

BUKU PANDUAN AKADEMIK

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN PROGRAM DIPLOMA SESI AKADEMIK 2025/2026

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Kata-kata Aluan Dekan	4
2.	Latar Belakang UPSI	5
3.	Visi, Misi, Moto dan Matlamat UPSI	6
4.	Carta Organisasi	7
5.	Pengurusan Tertinggi UPSI	8
6.	Objektif Kualiti Fakulti	9
7.	Latar Belakang, Visi dan Misi Fakulti	10
8.	Pengurusan, Pentadbiran dan Akademik Fakulti 8.1 Staf Pengurusan Tertinggi Fakulti 8.2 Staf Unit Pentadbiran 8.3 Staf Unit Teknikal dan Produksi 8.4 Staf Unit Pemuzik 8.5 Staf Unit Komunikasi dan Budaya 8.6 Staf Akademik Jabatan Muzik dan Pendidikan Muzik 8.7 Staf Akademik Jabatan Seni Persembahan	11 - 12 13 14 15 16 17-21 22-24
9.	Takwim Akademik Sesi 2025/2026	25-27
10.	Penerangan Mengenai Kod Kursus	28
11.	Struktur Program Diploma Muzik 11.1 Objektif Program 11.2 Syarat-syarat Kemasukan 11.3 Senarai Kursus Universiti dan Sinopsis 11.4 Struktur Program 11.5 Senarai Kursus Ada Prasyarat 11.6 Senarai Kursus Mengikut Semester Pengajian 11.7 Sinopsis Kursus Diploma Muzik	29 30 31-32 33 34 35 36-41
12.	Struktur Program Diploma Tari 12.1 Objektif Program 12.2 Syarat-syarat Kemasukan 12.3 Senarai Kursus Universiti dan Sinopsis 12.4 Struktur Program 12.5 Senarai Kursus Ada Prasyarat 12.6 Senarai Kursus Mengikut Semester Pengajian 12.7 Sinopsis Kursus Diploma Tari	42 43 44-45 46 47 48 49-53

13.	Struktur Program Diploma Teater	
	13.1 Objektif Program	54
	13.2 Syarat-syarat Kemasukan	55
	13.3 Senarai Kursus Universiti dan Sinopsis	56-57
	13.4 Struktur Program	558
	13.5 Senarai Kursus Prasyarat	59
	13.6 Senarai Kursus mengikut Semester Pengajian	60
	13.7 Sinopsis Kursus Diploma Teater	61-65
14.	Kemudahan Fakulti	66
15.	Sahsiah Diri Pelajar	67
16.	Alamat Perhubungan Dengan Fakulti	68



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pertamanya, saya bagi pihak Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), Universiti Pendidikan Sultan Idris, ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang telah diberi ruang dan peluang untuk meneruskan pengajian dalam bidang yang diminati di UPSI amnya dan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan khususnya. Di kesempatan ini saya juga mengalu-alukan kehadiran para pelajar ke fakulti ini dan sudah tentu kehadiran saudara/i memberi seribu satu makna kepada pihak saya dan seluruh warga FMSP.

Sememangnya saya beserta warga FMSP sentiasa beriltizam untuk menjadikan fakulti ini sebagai peneraju dalam usaha merealisasikan visi dan misi universiti. Oleh hal yang demikian pihak fakulti telah dan akan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan kualiti dari segenap aspek sama ada dari segi kualiti pengurusan am mahupun dari aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah. Saya penuh yakin, dengan kepakaran yang ada pada barisan kepimpinan fakulti serta kredibiliti pensyarah tempatan dan antarabangsa akan menjadikan fakulti ini sentiasa gemilang dan terbilang.

Buku Panduan yang disediakan ini diharap berupaya memberi penerangan dan penjelasan kepada para pelajar. Saya yakin dan percaya, isi kandungan buku ini akan memberi manfaat kepada semua. Maklumat dan informasi yang terdapat dalam buku ini bolehlah dijadikan panduan untuk para pelajar membuat perancangan akademik yang lebih tersusun dan sistematik. Hal ini kerana, dengan adanya perancangan yang teliti sudah tentu akan membuahkan hasilnya yang bermutu.

Sekian. Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN"

YBrs. Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saearani

Dekan

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjong Malim, Perak

TERBILANG DI HAMPARAN WARISAN TIGA GENERASI

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang penting dalam sejarah pendidikan negara. Institusi ini berkembang secara bertahap dari sebuah Maktab Perguruan sehinggalah menjadi sebuah Universiti Pendidikan. Perkembangan UPSI melalui tiga (3) era, iaitu era Sultan Idris Training College (SITC), 29 November 1922 – 1957, era Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), 1957 – 1987 dan era Insti Perguruan Sultan Idris (IPSI), 21 Februari 1987- April 1997. Tiga (3) era ini juga memperlihatkan wadah generasi pendidik yang dilahirkan oleh insti ini dalam tempoh 75 tahun. Tanggal 1 Mei 1997 bermulalah lembaran barunya sebagai sebuah universiti apabila universiti ini diperbadankan di bawah Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997 menerusi Warta Kerajaan P. U (A) 132 & 133 yang bertarikh 24 Februari 1997.

Pada awal penubuhannya, terdapat hanya empat (4) buah fakulti yang menawarkan sepuluh (10) program pengajian. Fakulti-fakulti tersebut adalah Fakulti Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kesenian, Fakulti Sains dan Teknologi, dan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Jumlah program pengajian bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 2002, dua (2) buah fakulti baharu ditubuhkan, iaitu Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, menjadikan jumlah fakulti sehingga itu enam (6) buah dengan jumlah 19 kursus pengajian di peringkat ijazah sarjana muda. Peningkatan ini menggambarkan perubahan besar yang dilakukan bagi menampung keperluan akademik dan jumlah pelajar yang kian bertambah. Fakulti Sains Sosial dan Kesenian ditukar namanya kepada Fakulti Seni dan Muzik manakala Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, dan Fakulti Sains Sukan ditubuhkan sebagai fakulti baharu.

Penstrukturan semula Fakulti UPSI telah dilaksanakan pada 1 Jun 2010 untuk meningkatkan daya saing universiti bagi merealisasikan visi dan misi untuk menjadi peneraju inovasi dan kreativiti, penyelidikan, pengkomersilan, reka cipta kreatif dan berimpak tinggi serta melahirkan tenaga manusia kreatif yang akan memajukan ekonomi negara. Fakulti-fakulti baharu yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:-

- 1) Fakulti Pembangunan Manusia (FPM);
- 2) Fakulti Sains dan Matematik (FSM);
- 3) Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK);
- 4) Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKj);
- 5) Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK);
- 6) Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP);
- 7) Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK);
- 8) Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE); dan
- 9) Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV); dan
- 10) Fakulti Komputeran dan Meta -Teknologi (META)

VISI, MISI, MOTO DAN MATLAMAT UPSI

VISI

Menjadi Universiti yang bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan berlandaskan kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global.

MISI

Menjana dan menatar ilmu menerusi pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat dalam konteks pembangunan insan untuk mencapai wawasan negara.

MOTO

“Universiti No.1 Pendidikan”


MATLAMAT

Untuk mencapai misi di atas, Universiti berazam dan beriltizam :

- ✦ Mengutamakan keikhlasan intelek dan kejujuran sikap dalam aktiviti meneroka sambil menyoal kembali kebenaran yang telah diterima selama ini bagi menjana, mengembang dan memperdalam ilmu;
- ✦ Mewujudkan kesinambungan sumbangan yang berterusan bagi membangun dan memperkaya ilmu terutamanya menerusi bahasa Melayu dalam pelbagai bidang;
- ✦ Menatar dan berkongsi ilmu melalui aktiviti-aktiviti kesarjanaan, termasuk perangkaian maklumat, pendidikan, penerbitan dan perundingan dalam dan luar negara;
- ✦ Membina potensi individu bagi menjadikannya berilmu, berketerampilan, berbakat tinggi, berakhlak mulia dan bersemangat patriotis;
- ✦ Menggerakkan komuniti ya supaya lebih prihatin betapa perlunya mereka menyumbang khidmat kepada masyarakat dan negara, terutamanya kearah pemupukan semangat patriotis dan nasionalistis untuk membina sebuah bangsa Malaysia dan menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.

CARTA ORGANISASI UPSI

CARTA ORGANISASI 2022



Bil.	Foto	Nama	No. Telefon / E-mel
1.		Naib Canselor YBhg. Profesor Dato' Dr. Md. Amin Bin Md. Taff	05 - 450 6777 ncupsi@upsi.edu.my
2.		Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) YBrs. Profesor Dr. Abdul Rahim bin Razalli	05 - 450 6555 tncaa@upsi.edu.my
3.		Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) YBrs. Profesor Ts. Dr. Suriani Binti Abu Bakar	6015 – 4879 7880 tncpi@upsi.edu.my
4.		Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) YBrs. Profesor Dr. Norkhalid bin Salimin	05 - 450 6034 tnchep@upsi.edu.my
5.		Pendaftar En. Helmi Zaifura Bin Abdul Rahman	05 - 450 6444 helmi@upsi.edu.my
6.		Bendahari En. Mohamad Najib Bin Haji Mohamed	05 - 450 6329 najib@bendahari.upsi.edu.my
7.		Ketua Pustakawan Puan Noriha Bt. Muhammad	05 - 450 5316 noriha@upsi.edu.my
8.		Pengarah (Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta Benda) Menanggung Tugas Encik Saiduri bin Dolah	05 – 450 6265 saiduri@jpphb.upsi.edu.my

OBJEKTIF KUALITI FAKULTI

1. Nisbah pensyarah-pelajar bagi jumlah pelajar sepenuh masa adalah seperti yang ditetapkan oleh MQA.
2. Sekurang-kurangnya 95% pelajar sepenuh masa peringkat Ijazah Sarjana Muda bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan.
3. Memastikan semua pensyarah mendapat penilaian baik (sekurang-kurangnya 80%) dalam penilaian pembelajaran oleh pelajar untuk setiap semester.
4. Memastikan semua kursus mendapat penilaian baik (sekurang-kurangnya 80%) dalam penilaian kursus oleh pelajar setiap semester.
5. Mencapai sekurang-kurangnya 95% jumlah kursus yang ditawarkan bagi tahap baik di dalam indeks pemantauan hasil pembelajaran (CLOM) bagi setiap semester.
6. Sekurang-kurangnya 75% daripada staf akademik sebagai penyelidik utama.
7. Memastikan setiap pensyarah menghasilkan artikel ilmiah sama dalam jurnal atau prosiding berdasarkan KPI pensyarah.
8. Sekurang-kurangnya 80% pelajar berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan.
9. 100% staf UPSI (Tetap dan Kontrak) memenuhi mata minimum CPD yang ditetapkan.
10. Memastikan 90% aduan pelanggan diselesaikan dalam tempoh masa yang dipersetujui.

LATAR BELAKANG, VISI DAN MISI FAKULTI

LATAR BELAKANG

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan merupakan kesinambungan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kesenian yang ditubuhkan pada tahun 1997. Ekoran daripada penstrukturan semula fakulti dalam tahun 2002, fakulti telah dijenamakan semula sebagai Fakulti Seni dan Muzik. Seterusnya penstrukturan terkini pada Jun 2010 telah menghasilkan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan yang sedia ada. Fakulti ini terdiri daripada Jabatan Muzik dan Pendidikan Muzik dan Jabatan Seni Persembahan yang menawarkan pelbagai program dalam bidang muzik, teater dan tari pada peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan menghargai kepelbagaian dalam tradisi muzik dan seni persembahan tempatan dan global. Dengan itu, fakulti ini menawarkan kursus muzik, teater dan tari pelbagai budaya yang relevan dengan keperluan dan kehendak profesional yang bekerja dalam pasaran global semasa. Kursus yang ditawarkan merangkumi pelbagai muzik etnik, tradisional dan kontemporari Malaysia di samping kursus-kursus muzik dunia, muzik barat, muzik popular, serta teater dan tari kontemporari.

VISI

Menjadi fakulti yang cemerlang dalam pendidikan Muzik dan Seni Persembahan untuk melahirkan profesional yang holistik dan seimbang.

MISI

Menjana dan menatar ilmu dalam bidang Muzik dan Seni Persembahan melalui pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan, inovasi dan persembahan demi kesejahteraan masyarakat sejagat.

KAKITANGAN PENGURUSAN TERTINGGI FAKULTI

BUKU PANDUAN AKADEMIK DIPLOMA SESI 2025/2026
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
1		Dekan YBrs. Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saearani	05 - 450 5515 fazli@fmisp.upsi.edu.my
2		Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) YBrs. Dr. Christine a/p Augustine	05-450 6000 christine@fmisp.upsi.edu.my
3		Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) YBrs. Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin	05 - 450 5909 lana.farida@fmisp.upsi.edu.my
4		Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) YBrs. Dr. Sajastanah bin Imam Koning	05 - 450 6724 sajastanah@fmisp.upsi.edu.my
5		Timbalan Dekan (Jaringan Industri dan Pengkomersilan) YBrs. Prof. Madya Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Karim	05-450 kamarulzaman.mk@fmisp.upsi.edu.my
6		Timbalan Pendaftar Puan Nooraini binti Abu Kassim	05 - 450 6711 nooraini@upsi.edu.my
7		Ketua Jabatan Muzik dan Pendidikan Muzik Dr. Mohd Yusran bin Mohd Yusoff	05 - 450 6329 yusran.yusoff@fmisp.upsi.edu.my
8		Ketua Jabatan Seni Persembahan Dr. Leng Poh Gee	05 - 450 6743 lengpohgee@fmisp.upsi.edu.my

KAKITANGAN PENGURUSAN TERTINGGI FAKULTI

Bil.	Foto	Nama	No. Telefon / E-mel
9.		Ketua Unit Teknikal dan Produksi Encik Mohd Haizal Bin Abdul Ghafar	05 - 450 5603 haizal@upsi.edu.my
10.		Ketua Unit Pemuzik Encik Suniza Bin Mustafa	05 - 450 6795 suniza@upsi.edu.my
11.		Ketua Unit Budaya Cik Norhafizza Binti Mohd Noh	05 - 450 6717 norhafizza@upsi.edu.my

KAKITANGAN UNIT PENTADBIRAN

BUKU PANDUAN AKADEMIK DIPLOMA SESI 2025/2026
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

BIL	FOTO	NAMA	NO. TELEFON DAN E-MEL
1.		Penolong Pegawai Tadbir Pn. Salma binti Faudzi	Tel: 05-450 6702 E-mel: salma@upsi.edu.my
2.		Penolong Akauntan Pn. Nur Khalisah binti Azizini	Tel: 05-450 5566 E-mel: khalisah@upsi.edu.my
3.		Penolong Pegawai Tadbir Pn. Nazeema Bebe binti Mohamed Yusof	Tel: 05-450 6702 E-mel: nazeema@upsi.edu.my
4.		Pembantu Tadbir (P/O) Pn. Nor Azura binti Arshad	Tel: 05-450 5563 E-mel: norazura@upsi.edu.my
5.		Pembantu Tadbir (P/O) Pn. Che Farihan binti Che Man	Tel: 05-450 5192 E-mel: farihan@upsi.edu.my
6.		Pembantu Tadbir (P/O) Pn. Rosni binti Abdul Rahman	Tel: 05-450 5088 E-mel: rosni@upsi.edu.my
7.		Pembantu Tadbir (P/O) Pn. Nazatul Shima binti Wahid	Tel: 05-450 6795 E-mel: nazatulshima@upsi.edu.my
8.		Pembantu Tadbir (P/O) Pn. Yanty Marhainis binti Omar	Tel: 05-450 6523 E-mel: yanty@upsi.edu.my
9.		Pembantu Tadbir (P/O) En. Nazrul bin Azuwan Nordin	Tel: 05-450 6702 E-mel: nazrul.azwan@upsi.edu.my
10.		Pembantu Setiausaha Pejabat Cik Nurathirah binti Na'aim	Tel: 05-450 5515 E-mel: nurathirah@upsi.edu.my
11.		Pembantu Operasi Pn. Norzuraidah binti Almalit	Tel: 05-450 5181 E-mel: norzuraidah@upsi.edu.my

KAKITANGAN UNIT TEKNIKAL DAN PRODUKSI

BUKU PANDUAN AKADEMIK DIPLOMA SESI 2025/2026
KURSUS MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

BIL.	FOTO	NAMA	NO. TELEFON DAN E-MEL
1.		Ketua Unit Teknikal Dan Produksi En. Mohd Haizal Abdul Ghafar	Tel: 05-450 5603 E-mel: haizal@upsi.edu.my
2.		Penerbit Rancangan En. Zazul Azwan Mat Shah	Tel: 05-450 6783 E-mel: zazul@upsi.edu.my
3.		Penolong Pegawai Teknologi Maklumat En. Ali Ahmad Tahir	Tel: 05-450 6710 E-mel : ali.a@ict.upsi.edu.my
4.		Penerbit Rancangan En. Zaid Abdul bin Ghaffar	Tel: 05-450 6783 E-mel: zaid@upsi.edu.my
5.		Penerbit Rancangan En. Zulbakri bin Ujang	Tel: 05-450 6783 E-mel: zulbakri@upsi.edu.my
6.		Penerbit Rancangan En. Malek bin Sulamin	Tel: 05-450 6783 E-mel: maleks@upsi.edu.my
7.		Pereka Grafik Pn. Nurul 'Aishah Binti Meor Shakri	Tel: 05-450 6710 E-mel: nurulaishah@upsi.edu.my
8.		Penerbit Rancangan En. Mohd Aliff bin Mohd Asri	Tel: 05-450 6783 E-mel: aliff.asri@upsi.edu.my

KAKITANGAN UNIT PEMUZIK

BUKU PANDUAN AKADEMIK DIPLOMA SESI 2025/2026
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
1		Ketua Unit Pemuzik Encik Suniza bin Mustafa	05-450 6795 suniza@upsi.edu.my
2		Ahli Muzik Puan Kartina bin Shahardin	05-4506702 kartina@upsi.edu.my
3		Ahli Muzik Encik Muhammad Khairul Izwan bin Mohd Basri	05-450 6702 khairul_izwan@upsi.edu.my
4		Ahli Muzik Encik Mohd Ibzaimai bin Che Sof @ Ibrahim	05-450 6000 mohd.ibzaimai@upsi.edu.my
5		Ahli Muzik Encik Mohd Haniff bin Nasir	05-450 6523 haniff@upsi.edu.my
6		Ahli Muzik YM Tengku Azman Shah bin Tengku Azmi	05-450 6702 tengkuazman@fmsp.upsi.edu.my

KAKITANGAN

UNIT KOMUNIKASI DAN BUDAYA

BUKU PANDUAN AKADEMIK DIPLOMA SESI 2025/2026
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

BIL	FOTO	NAMA	NO. TELEFON DAN E-MEL
1.		Ketua Unit Komunikasi dan Budaya Cik Norhafizza binti Mohd Noh	Tel: 05-450 6717 E-mel: norhafizza@upsi.edu.my
2.		Pembantu Tadbir (P/O) Puan Norfarahanis binti Adnan	Tel: 05-450 5308 E-mel: farahanis@upsi.edu.my

KAKITANGAN AKADEMIK

JABATAN MUZIK DAN PENDIDIKAN MUZIK

BUKU PANDUAN AKADEMIK DIPLOMA SESI 2025/2026
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
1		Ketua Jabatan Muzik dan Pendidikan Muzik Dr. Mohd Yusran bin Mohd Yusoff	05-4506702 yusran.yusoff@fmisp.upsi.edu.my
2		Prof. Zaharul Lailiddin bin Saidon Skim Sarjana Utama	05-450 6000 zaharul@fmisp.upsi.edu.my
3		Prof. Dr. Mohd Hassan bin Abdullah Profesor	05-450 6699 mohd@fmisp.upsi.edu.my
4		Prof. Madya Dr. Mohd Nizam bin Nasrifan Pensyarah	05-450 6729 mnizam@fmisp.upsi.edu.my
5		Dr. Mohd Azam bin Sulong Skim Tenaga Pengajar Khas	05-450 6724 azamdungun@fmisp.upsi.edu.my
6		Prof. Madya Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Karim	Tel: 05-450 6000 kamarulzaman.mk@fmisp.upsi.edu.my
7		Dr. Christine a/p Augustine Pensyarah	05-450 6000 christine@fmisp.upsi.edu.my
8		Dr. Tham Horng Kent Pensyarah	05-450 6757 kent@fmisp.upsi.edu.my

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
9		Dr. Yap Jin Hin Pensyarah	05-450 6000 yapjinhin@fmmp.upsi.edu.my
10		Dr. Shafizan bin Sabri Pensyarah	05-450 6740 shafizan@fmmp.upsi.edu.my
11		Dr. Chamil Arkhasa Nikko bin Mazlan Pensyarah	054506795 chamil@fmmp.upsi.edu.my
12		Dr. Sajastanah bin Imam Koning Pensyarah	Tel: 05-450 6721 sajastanah@fmmp.upsi.edu.my
13		Dr. Abdul Rahman bin Safian Pensyarah	Tel: 05-4506702 E-mel: rahmansafian@fmmp.upsi.edu.my
14		Dr. Flory Ann Mansor Gingging Pensyarah	Tel: 05-4506702 E-mel: flory@fmmp.upsi.edu.my
15		Encik Herry Rizal Djahwasi Pensyarah	Tel : 05-450 6732 E-mel : herry@fmmp.upsi.edu.my
16		Dr. Chiu, Ming-Ying Pensyarah	05-4506000 mingying@fmmp.upsi.edu.my

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
17		Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong Pensyarah	05-450 6743 colleen@fmsp.upsi.edu.my
18		Encik Zamrus bin Hashim Pensyarah	Tel: 05-450 6705 E-mel: zamrus@fmsp.upsi.edu.my
19		Encik Affendi Ramli Pensyarah	Tel: 05-450 6758 E-mel: affendi@fmsp.upsi.edu.my
20		Encik Suflan Faidzal bin Arshad Pensyarah	05-450 6752 suflan@fmsp.upsi.edu.my
21		Puan Lilis Syafiza binti Mohd Yatim Pensyarah (Cuti Belajar)	05-450 6000 lilissyafiza@fmsp.upsi.edu.my
22		Encik Aiman Ikram bin Uyub Pensyarah	05-4506000 aimanikram@fmsp.upsi.edu.my
22		Encik Nazimin bin Nazeri Pensyarah Pelatih (Cuti Belajar)	05-450 6000 naziminnazeri@fmsp.upsi.edu.my
23		Encik Husnil Amin bin Zakaria Pensyarah Pelatih	05-450 6000 husnil@fmsp.upsi.edu.my

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
24		Puan Nurezlin binti Mohd Azib Pensyarah Pelatih	05-450 6000 nurezlin.azib@fmisp.upsi.edu.my
25		Encik Wan Mohd Syaril Annuar bin Wan Mohd Harith Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41	05-450 6000 wsyaril@upsi.edu.my
26		Puan Jamilah binti Abu Bakar Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41	05-450 6000 jamilah.ab@fmisp.upsi.edu.my
27		Encik Mohamad Mu'izz bin Mohamad Zuki Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41	05-450 6000 muizz@fmisp.upsi.edu.my
28		Encik Muhammad Hairul Nazmi bin Muzahar Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41	05-450 6000 mhairul@fmisp.upsi.edu.my
29		Cik Monica Kong Lee Ping Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41	05-450 6000 monical@fmisp.upsi.edu.my
30		Encik Irfendi bin Muhammad Isa Karyawan Tamu	05-4506000 irfendi@fmisp.upsi.edu.my
31		En. Mohd Mustaqim bin Abdullah Karyawan Tamu	Tel: 05-4506702 E-mel: mohdmustaqim@fmisp.upsi.edu.my
32		En. Muhammad Anas Syafuan bin Norlatiff Karyawan Tamu	05-4506000 anassyafuan@fmisp.upsi.edu.my

BIL	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
33		Puan Ranko Konishi Kurano Felo Perunding Kanan	05-4506000 ranko@fmisp.upsi.edu.my

KAKITANGAN AKADEMIK JABATAN SENI PERSEMBAHAN

BIL.	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
1		Ketua Jabatan Seni Persembahan Dr. Leng Poh Gee	Tel: 05-450 6743 E-mel: lengpohgee@fmisp.upsi.edu.my
2		Prof. Madya Dr. Muhammad Fazli Taib bin Saearani Pensyarah	05-450 5515 fazli@fmisp.upsi.edu.my
3		Prof. Madya Dr. Lena Farida binti Hussain Chin Pensyarah	05-450 5886 lena.farida@fmisp.upsi.edu.my
4		Dr. Muhammad Faisal bin Ahmad Pensyarah	05-4506000 mfaisal@fmisp.upsi.edu.my
5		Dr. Salman bin Alfarisi Pensyarah	05-450 6755 salman@fmisp.upsi.edu.my
6.		Dr. Nor Shuradi bin Hj. Nor Hashim Pensyarah	05-450 6000 shuradi@fmisp.upsi.edu.my
7.		Dr. Nurulakmal binti Abdul Wahid Pensyarah	05-450 5304 nurulakmal@fmisp.upsi.edu.my

BIL.	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
8		Dr. Hafzan Zannie bin Hamza Pensyarah	05-450 6788 hafzan@fmsp.upsi.edu.my
9		Encik Abdul Hamid bin Chan Pensyarah	05-450 6756 hamid.chan@fmsp.upsi.edu.my
10		Puan Nur Nabila binti Micheal Luang Abdullah Pensyarah	05-450 6762 mnurnabila@fmsp.upsi.edu.my
11		Encik Naquiddin bin Tajul Ariffin Pensyarah (Cuti Belajar)	05-450 6000 naque.ariffin@fmsp.upsi.edu.my
12		Encik Amsalib bin Pisali Pensyarah	05-4506000 amsalib@fmsp.upsi.edu.my
13		Encik Mohd Fauzi Bin Amirudin Pensyarah	05-450 6000 mohd.fauzi@fmsp.upsi.edu.my
14		Cik Mak Foong Ming Pensyarah (Cuti Belajar)	05-450 6000 fming@fmsp.upsi.edu.my
15		Encik Amar Reza bin Zainalabidin Skim Pensyarah Pelatih	05-450 6000 amarreza@fmsp.upsi.edu.my
16		Encik Nawfal bin Mohd Zamri Karyawan Tamu	05-4506000 nawfal@fmsp.upsi.edu.my

BIL.	FOTO	NAMA	NO TELEFON / E-MEL
17		Encik Ealbie Breandant Abinus Karyawan Tamu	05-450 6000 ealbib@gmail.com
18.		Encik Mohamad Adlan bin Sairin Karyawan Tamu	05-450 6000 mohdadlan@fmisp.upsi.edu.my
19.		Encik Saifulwazien Bin Mohamad Jelani Karyawan Tamu	05-450 6000 saifulwazien@fmisp.upsi.edu.my

TAKWIM AKADEMIK SESI AKADEMIK 2025/2026 PERINGKAT DIPLOMA

KALENDAR AKADEMIK PERINGKAT DIPLOMA SEMESTER 1 SESI 2025/2026 (E251)				
BIL	PROGRAM	TEMPOH	TARIKH	Catatan
1.	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Minggu Orientasi	8 Hari	06 – 13 Julai 2025	Hebahan Jaya 16 Jun 2025 (Isnin) 6 Julai 2025 (Ahad)
2.	Kuliah Semester I	7 minggu	14 Julai 2025 - 31 Ogos 2025	31 Ogos 2025 (Ahad) Hari Kebangsaan
3.	Cuti Pertengahan Semester	1 minggu	01 – 07 September 2025	1 September 2024 (Isnin) Cuti Hari Kebangsaan 5 September 2025 (Jumaat) Maulidur Rasul
4.	Kuliah Semester I	7 minggu	08 September - 26 November 2025	16 September 2025 (Selasa) Hari Malaysia 20 Oktober 2025 (Isnin) Hari Deepavali
5.	Minggu Ulang Kaji	1 minggu	27 Oktober - 02 November 2025	
6.	Minggu Peperiksaan	3 Minggu	03 November – 23 November 2025	7 November 2025 (Jumaat) Hari Keputeraan Sultan Perak
7.	Cuti Semester 1	3 Minggu	24 November– 14 Disember 2025	


KALENDAR AKADEMIK PERINGKAT DIPLOMA SEMESTER 2 SESI 2025/2026 (E252)				
BIL	PROGRAM	TEMPOH	TARIKH	Catatan
1.	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Minggu Orientasi	8 Hari	07 - 14 Disember 2024	7 Disember 2025 (Ahad)
2.	Kuliah Semester 2	7 Minggu	15 Disember 2025 – 01 Februari 2026	25 Disember 2025 (Khamis) Hari Krismas 1 Januari 2025 (Khamis) Tahun Baru 1 Februari 2026 (Ahad) Thaipusam
3.	Cuti Pertengahan Semester 2	1 Minggu	2 – 08 Februari 2026	2 Februari 2026 (Isnin) Cuti Hari Thaipusam
4.	Kuliah Semester 2	7 Minggu	9 Februari - 29 Mac 2026	17 – 18 Februari 2026 (Selasa-Rabu) Tahun Baru Cina 7 Mac 2025 (Sabtu) Nuzul Al-Quran 20 Mac - 21 Mac 2026 (Isnin-Selasa) Hari Raya Aidilfitri
5.	Minggu Ulangkaji	1 Minggu	30 Mac – 05 April 2026	
6.	Peperiksaan Akhir Semester 2	3 Minggu	06 – 26 April 2026	
7.	Cuti Semester 2	9 Minggu	27 April – 03 Mei 2026	1 Mei 2026 (Jumaat) Hari Pekerja

KALENDAR AKADEMIK PERINGKAT DIPLOMA SEMESTER 3 SESI 2025/2026 (KHAS) (E252S)				
BIL	PROGRAM	TEMPOH	TARIKH	Catatan
1.	Kuliah Semester 3	7 Minggu	4 Mei – 21 Jun 2025	27 Mei 2026 (Sabtu) Hari Raya Aidiladha 30 Mei 2026 (Sabtu) Pesta Kaamatan (Sabah) 31 Mei 2026 (Ahad) Hari Wesak 1 Jun 2026 (Isnin) Hari Gawai (Sarawak) 1 Jun 2026 (Isnin) Hari Keputeraan Agong 16 Jun 2026 (Selasa) Awal Muharam
2.	Peperiksaan Akhir Semester 3	3 Minggu	22 - 28 Jun 2026	
3.	Cuti Semester 3	1 Minggu	29 Jun - 12 Julai 2026	

Nota:

- i. Tiada minggu ulang kaji bagi Semester 3 Sesi 2024/2025 memandangkan masa yang terhad.
- ii. Kalendar Akademik dan tarikh cuti umum adalah tertakluk perubahan.

PENERANGAN MENGENAI KOD KURSUS



Contoh:

AMA1093 Industri Muzik

A – Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
M – Muzik
A – Application

1 – Diploma
09 – No. Siri
3 – Jam Kredit

ADP1023 Tari Rakyat Malaysia

A – Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
D – Tari
P – Kursus Praktikal

1 – Diploma
02 – No. Siri
3 – Jam Kredit

ATT1012 Pengenalan Teater

A – Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
T – Teater

1 – Diploma
01 – No. Siri

STRUKTUR PROGRAM DIPLOMA MUZIK

OBJEKTIF PROGRAM

Program Diploma Muzik yang ditawarkan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris berhasrat untuk melahirkan graduan muzik yang berteraskan kesenian dan kebudayaan selaras dengan dasar kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020. Kandungan kurikulum program ini digubal untuk individu mengembangkan potensi kognitif, afektif dan psikomotor pemeringkatan secara strategik sejak dari peringkat diploma untuk melanjutkan pengajian bukan sahaja ke peringkat sarjana muda malahan ke peringkat yang lebih tinggi seperti sarjana dan doktor falsafah kelak. Selaras dengan sasaran untuk mencapai matlamat pendidikan sepanjang hayat (lifelong learning), pelaksanaan kurikulum yang seimbang dari segi pengetahuan dan kemahiran muzik akan membolehkan graduan yang berhasrat untuk menceburi kerjaya berkaitan bidang muzik kelak bukan sahaja dapat mendalami pengetahuan dan kemahiran aspek muzik, malahan dapat meningkatkan ketrampilan diri yang memberi sumbangan bermakna kepada kualiti pekerjaan serta seterusnya meningkatkan profesionalisme kerjaya.

Program Diploma Muzik akan melahirkan graduan yang :-

- i. menguasai ilmu dan kemahiran dalam bidang muzik.
- ii. mengamalkan nilai profesional, nilai, sikap dan tingkah laku beretika.
- iii. mencapai suatu tahap piawai kemahiran dalam persembahan muzik.
- iv. mempunyai akauntabiliti sosial dalam aktiviti muzik.
- v. berkompetensi dalam komunikasi.
- vi. berkebolehan bekerja dalam pasukan.
- vii. menguasai kemahiran teknologi dalam bidang muzik.
- viii. berkebolehan belajar sepanjang hayat.
- ix. berupaya berfikir secara kritis dan kreatif dalam penyelesaian masalah.
- x. mempunyai kemahiran mengurus dan keusahawanan.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

SYARAT AM DAN SYARAT KHAS PROGRAM DIPLOMA MUZIK

SYARAT AM UNIVERSITI

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan mendapat sekurang-kurang LIMA (5) kepujian/gred C, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian/gred C Bahasa Malaysia kertas Julai;

dan

Lulus sekurang-kurangnya gred E mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM (mulai tahun 2013)

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred E di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik

atau

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Sijil (Tahap 3 MQF)

dan

SYARAT KHAS

Lulus temuduga dan uji bakat yang dikendalikan oleh pihak
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

KURSUS UNIVERSITI

KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
UBI2252	ENGLISH FOR INTERMEDIATE 1	2
UBI2262	ENGLISH FOR INTERMEDIATE 2	2
BMK2012 / UBM2112	BAHASA MELAYU	2
PKU 2013/ UPU2213	ASAS KEUSAHAWANAN	3
UPU2342	INTEGRITI DAN ANTI RASUAH	2
HNH3182 / UPU3122	PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN	2
	KOKURIKULUM 1	1
	KOKURIKULUM 2	1
	KOKURIKULUM 3	1
JUMLAH		16

SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

UBI2252 ENGLISH For Intermediate 1

Prasyarat: Tiada

2Kredit

Ini adalah kursus bahasa Inggeris pertengahan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan lanjutan tatabahasa dan meningkatkan penggunaan empat kemahiran bahasa. Pelajar dapat mengenal pasti idea utama yang didengar dan membentuk perbualan dalam situasi tidak formal. Pelajar didedahkan dengan beberapa sub-kemahiran membaca yang akan membolehkan mereka mengenal pasti idea utama dan butiran sokongan dalam petikan yang dibaca. Pemahaman ini akan membolehkan mereka membina idea utama dan penjelasan berdasarkan rangsangan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran menulis esei.

UBI2262 ENGLISH For Intermediate 2

Prasyarat: Tiada

2Kredit

Ini adalah kursus bahasa Inggeris pertengahan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan lanjutan tatabahasa dan meningkatkan penggunaan empat kemahiran bahasa. Pelajar dapat mengenal pasti idea utama yang didengar dan membentuk perbualan dalam situasi tidak formal. Pelajar didedahkan dengan beberapa sub-kemahiran membaca yang akan membolehkan mereka mengenal pasti idea utama dan butiran sokongan dalam petikan yang dibaca. Pemahaman ini akan membolehkan mereka membina idea utama dan penjelasan berdasarkan rangsangan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran menulis esei.

BMK2012 / UBM2112 BAHASA MELAYU

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas-asas penting dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pelajar diberi pengetahuan tentang sejarah perkembangan bahasa Melayu serta aspek-aspek penting yang berkaitan dengannya. Pelajar dilatih menggunakan bahasa Melayu secara lisan dan bertulis dalam konteks rasmi dan tak rasmi.

PKU2013 / UPU2213 ASAS KEUSAHAWANAN

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan.

UPU2342 INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

2 Kredit

Kursus ini merangkumi konsep asas tentang nilai integriti, bentuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa dalam kehidupan seharian serta dalam organisasi dan langkahlangkah pencegahan rasuah. Isu dan kes rasuah sebenar juga dibincangkan dalam sesi pembelajaran. Fokus utama kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran yang di perlukan untuk menghadapi isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan jenayah kolar putih supaya seseorang individu dapat bertindak dan kekal berintegriti setiap masa.

UPU2122 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika & peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal & analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika & peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika & peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era prakolonial sehingga ke pascakolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika & peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika&peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional & bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpanduan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi & wahana etika & peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi & perkembangan teknologi maklumat & komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu penghayatan etika&peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial & digerakkan pada peringkat individu, keluarga komuniti masyarakat & negara. Justeru perubahan yang berlaku dalam masyarakat & pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika & peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini. (pengajaran & pembelajaran).

STRUKTUR PROGRAM DIPLOMA MUZIK

Struktur Pengajian Dua Setengah (2½) Tahun

95 JAM KREDIT		
KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
BMK2012 / UBM2112 UBI2252	KURSUS UNIVERSITI	
	Bahasa Melayu	2
	English For Intermediate1	2
	English For Intermediate 2	2
	Integriti Dan Anti Rasuah	2
	Penghayatan Etika Dan Peradaban	2
BIU2022 / UBI2262	Asas Keusahawanan	3
UPU2342	Kokurikulum	3
HNH3182 / UPU3122		
PKU2013 / UPU2213		
JUMLAH		14
AMC1013 AMC1023 AMC1033 AMC1043 AMC1053 AMC1063 AMC1073 AME1083 AMA1093 AMA1103 AMA1113 AMA1123 AMA1133 AMA1143 AMA1153 AMT1163 AMT1173 AMM1182 AMM1192 AMA1202 AMS1212 AMS1222 AMM1232 AMM1242 AMM1252 AMM1262 AMS1272 AMS1282 AMS1292 AMS1302 AMS1312 AMS1322	KURSUS MAJOR	
	Asas Teori Muzik	3
	Teori Muzik Dan Harmoni	3
	Kemahiran Mendengar I	3
	Kemahiran Mendengar II	3
	Muzikaliti	3
	Muzik Popular	3
	Muzik Malaysia	3
	Pendidikan Muzik Di Malaysia	3
	Industri Muzik	3
	Pengurusan Persembahan Muzik	3
	Muzik Komputer	3
	Produksi Audio Digital	3
	Orkestrasi	3
	Penulisan Lagu	3
	Projek Persembahan Akhir	3
	Teknik Pancaragam	3
	Teknik Nyanyian	3
	Kemahiran Bermain Piano I	2
	Kemahiran Bermain Piano II	2
	Kemahiran Kibod	2
	Ensembel Muzik Tradisional Melayu I	2
	Ensembel Muzik Tradisional Melayu II	2
	Aplikasi Muzik I	2
	Aplikasi Muzik II	2
	Aplikasi Muzik III	2
	Aplikasi Muzik IV	2
	* Ensembel Instrumental I	2
	* Ensembel Instrumental II	2
	* Ensembel Instrumental III	2
	* Koir I	2
	* Koir II	2
	* Koir III	2
JUMLAH		75
AMI1336	Latihan Industri	6
JUMLAH KESELURUHAN		95
Nota : *Pelajar perlu memilih untuk mengikuti salah satu (1) kumpulan kursus sama ada Ensembel Instrumental atau Koir.		

SENARAI KURSUS DENGAN PRASYARAT

KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT	
			KOD	KURSUS
AMC1023	Muzik Teori dan Harmoni	3	AMC1013	Asas Teori Muzik
AMM1192	Kemahiran Bermain Piano II	2	AMM1182	Kemahiran Bermain Piano I
AMC1043	Kemahiran Mendengar II	3	AMC1033	Kemahiran Mendengar I
AMM1242	Aplikasi Muzik II	2	AMM1232	Aplikasi Muzik I
AMM1252	Aplikasi Muzik III	2	AMM1242	Aplikasi Muzik II
AMM1262	Aplikasi Muzik IV	2	AMM1252	Aplikasi Muzik III
AMS1272	Ensembel Instrumental I	2	AMT1163	Teknik Pancaragam
AMS1282	Ensembel Instrumental II	2	AMS1272	Ensembel Instrumental I
AMS1292	Ensembel Instrumental III	2	AMS1282	Ensembel Instrumental II
AMS1302	Koir I	2	AMT1173	Teknik Nyanyian
AMS1312	Koir II	2	AMS1302	Koir I
AMS1322	Koir III	2	AMS1312	Koir II
AMA1133	Orkestrasi	3	AMC1023	Muzik Teori dan Harmoni
AMA1143	Penulisan Lagu	3		

SENARAI KURSUS DIPLOMA MUZIK MENGIKUT SEMESTER AMBILAN JULAI 2025/2026 (E251)

SEMESTER 1 (E251)			SEMESTER 2 (E252)		
KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT
UBM 2112	Bahasa Melayu	2	UBI2262	English for Intermediate II	2
UPU2122	Penghayatan Etika & Peradaban	2	AMM1192	Kemahiran Bermain Piano II	2
UPU2213	Asas Keusahawanan	3	AMC1023	Muzik Teori dan Harmoni	3
KPF3012	English for Intermediate I	2	AMC1043	Kemahiran Mendengar II	3
AMC1033	Kemahiran Mendengar I	3	AMT1173	Teknik Nyanyian	3
AMC1013	Asas Teori Muzik	3	AMM1232	Aplikasi Muzik I	3
AMT1163	Teknik Pancaragam	3	*AMS1272	Instrumental Ensemble I	2
AMM1182	Kemahiiran Bermain Piano I	3	*AMS1302	Koir I	
	Ko-kurikulum 1 (CPR2011 Pembimbing Rakan Sebaya)	1		Ko-kurikulum 2 (CSR2021 Kembara Alam)	1
JUMLAH JAM KREDIT		21	JUMLAH JAM KREDIT		18
SEMESTER 3 (E252S) SEM KHAS			SEMESTER 4 (E251)		
KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT
AMC1073	Muzikaliti	3	AMA1113	Muzik Komputer	3
AMC1133	Muzik Popular	3	AMA1123	Produksi Audio Digital	3
*AMS1282	Instrumental Ensemble II	2	AMA1143	Penulisan Lagu	3
*AMS1312	Koir II		AMC1073	Muzik Malaysia	3
CUR2011	*Ko-kurikulum 3 (CUR2011 Pasukan *Pertolongan Cemas I) / CUP2011 Guru Kadet Remaja Sekolah I	1	AMM1242	Aplikasi Muzik II	2
			*AMS1292	Instrumental Ensemble III	2
			*AMS1322	Koir III	
			AMS1212	Malay Traditional Music Ensemble I	2
JUMLAH JAM KREDIT		9	JUMLAH JAM KREDIT		18
SEMESTER 5 (E262)			SEMESTER 6 (E262S)		
KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT
UPU2342	Integriti Anti Rasuah	2	AME1083	Pendidikan Muzik di Malaysia	3
AMA1103	Pengurusan Persembahan Muzik	3	AMA1093	Industri Muzik	3
AMA1133	Orkestrasi	3	AMM1262	Aplikasi Muzik IV	2
*AMS1292	Instrumental Ensemble III	2			
*AMS1322	Koir III	3			
AMS1222	Malay Traditional Music Ensemble II	2			
AMA1153	Projek Persembahan Akhir	3			
JUMLAH JAM KREDIT		15	JUMLAH JAM KREDIT		8
SEMESTER 7 (E271S)					
KOD	NAMA KURSUS	KREDIT			
AMI1336	Latihan Industri	6			
JUMLAH JAM KREDIT		6			

*Pelajar perlu memilih salah **SATU** kursus yang ditawarkan

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA MUZIK

AMC1013 ASAS TEORI MUZIK

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini adalah pengenalan kepada aspek notasi dan bahasa muzik. Ia meliputi pengetahuan terhadap muzik notasi, pic dalam pelbagai klef, skel major dan minor, mode, jeda, struktur triad asas, dan asas terminologi muzik. Kursus ini juga menjalankan latihan tubi pelbagai corak irama.

AMC1023 TEORI MUZIK DAN HARMONI

3 Kredit

Prasyarat : AMC1013 Asas Teori Muzik

Kursus ini memberi tumpuan kepada komponen harmoni dan melihat corak muzik dalam bentuk yang lebih besar. Ia juga merangkumi prinsip tuju suara serta aplikasinya dalam susun gubah empat suara, menganalisa struktur dan pergerakan harmoni, pelbagai kaden dan penggunaan ton bukan kord dalam muzik tonal dari karya komposer dari tahun 1650 sehingga 1900.

AMC1033 KEMAHIRAN MENDENGAR I

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus pengenalan ini memberi tumpuan kepada kemahiran pendengaran dalaman pembacaan notasi serta kepekaan terhadap pic dan corak irama. Di dalam kursus ini pelajar akan menyanyi solfege (doh bergerak), nyanyian semerta dan sebutan sukukata (syllable) irama untuk meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan mendengar muzik. Kemahiran dan latihan pendengaran yang dijalankan akan memperkukuhkan pembacaan sebagai persediaan kepada aktiviti nyanyian dan permainan alat muzik.

AMC1043 KEMAHIRAN MENDENGAR II

3 Kredit

Prasyarat : AMC1033 Kemahiran Mendengar I

Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus kemahiran mendengar yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan yang merangkumi meter tak lazim, triplet, sinkopasi, corak harmoni dan pergerakan kord dalam pelbagai triad dan kord ke tujuh serta pembalikan dan menulis semula melodi dalam skel major dan minor. Nyanyian semerta dalam pelbagai jenis lagu rakyat dan karya lain akan memperkukuhkan pelajar dalam membaca muzik sambil mendengar dengan lebih berkesan.

AMC1053 MUZIKALITI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Pelajar akan meneroka konsep elemen muzik melalui sesi mendengar audio dari pelbagai stail muzik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mendengar dalam analisis muzik, pengkritikan muzik serta mengenal pasti nilai muzik dari aspek budaya dan sosial. Penekanan kepada sesi mendengar pelbagai karya muzik juga dijalankan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA MUZIK

AMC1063 MUZIK POPULAR

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini adalah pengenalan terhadap sejarah dan bagaimana ia boleh mempengaruhi Muzik Popular tempatan. Pelajar akan menerokai perkembangan muzik popular dan perkaitannya dari aspek sosial, ekonomi, teknologi dan bagaimana ianya diterjemahkan dalam nilai budaya tempatan. Penekanan kepada sesi mendengar pelbagai karya muzik popular juga dijalankan.

AMC1073 MUZIK MALAYSIA

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai muzik China, India, muzik Melayu serta muzik rakyat, muzik klasik dan sinkreti juga dari pelbagai kumpulan etnik di Malaysia. Pelajar berpeluang mengenali dan mengkaji sejarah, persekitaran sosial, ekonomi dan budaya pengaruh, fungsi dan elemen-elemen muzik dalam bentuk muzik masyarakat tersebut. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan amali beberapa muzik tradisional yang dipilih seperti Wayang Kulit, Gendang silat, Ghazal dan Keroncong serta membuat satu penulisan ilmiah dengan topik pilihan mengenai Muzik Tradisional Malaysia.

AME1083 PENDIDIKAN MUZIK DI MALAYSIA

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengetahuan umum mengenai teras historikal, filosofikal, psikologikal, sosiologikal dan methodologikal pendidikan muzik. Pelajar akan mengkaji peranan dan amalan pendidikan muzik di Malaysia serta membincangkan isu semasa, trend dan hala tuju amalan pendidikan muzik global.

AMA1093 INDUSTRI MUZIK

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pengetahuan umum mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan industri muzik yang merangkumi pengaturcaraan, pengiklanan, tarikan audien, pasaran, tajaan, kesatuan, sesi latihan dan persembahan. Rakaman, penyiaran, undang-undang hakcipta dan pengajaran muzik juga akan dibincangkan.

AMA1103 PENGURUSAN PERSEMBAHAN MUZIK

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar kepada pengetahuan umum kepada kerjaya professional industri muzik dan kemahiran keusahawanan dalam sektor pengurusan persembahan muzik termasuk perkara yang berkaitan dengan hal politik, perundangan, latar belakang etika budaya di mana ia akan dikaji dan diaplikasi dalam situasi sebenar melalui tugasan dan projek yang telah ditetapkan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA MUZIK

AMA1113 MUZIK KOMPUTER

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi kefahaman dan kemahiran dalam penggunaan dan penghasilan ciptaan perisian di dalam multimedia muzik. Di samping itu pelajar akan didedahkan dengan pelbagai bentuk perisian yang berkaitan dengan muzik sebagai media elektronik serta meneroka perisian notasi seperti *Encore 4.5 Sibelius* dan *Finale*.

AMA1123 PRODUKSI AUDIO DIGITAL

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk membuat sunti an audio berdigital bagi tujuan penghasilan bahan audio seperti montaj, muzik tarian, muzik latar dan kesan bunyi. Pelajar-pelajar juga akan didedahkan dengan penggunaan peralatan, perisian, teknik dan plug-in yang bersangkutan dengan penyuntingan audio berdigital.

AMA1133 ORKESTRASI

3 Kredit

Prasyarat : AMC1023 Muzik Teori dan Harmoni

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan teknik orkestrasi iaitu menggabungkan alat muzik tertentu bagi mendapatkan keseimbangan bunyi yang sesuai. Pelajar dikehendaki menulis dan menyusun serta menggabungkan pelbagai alat muzik untuk ensembel besar seperti orkestra dan juga ensembel instrumental dan vokal yang lebih kecil.

AMA1143 PENULISAN LAGU

3 Kredit

Prasyarat : AMC1023 Muzik Teori dan Harmoni

Kursus ini tertumpu kepada perkaitan di antara notasi dan proses mencipta lagu dalam teknik menulis lagu dan lirik. Pelajar akan didedahkan kepada pengalaman sebagai komposer dan penulis lirik dan proses kerjasama vokalis dan pemuzik dalam menghasilkan rakaman demo, teknik produksi dan persekitaran studio.

AMA1153 PROJEK PERSEMBAHAN AKHIR

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirangka khas untuk mendedahkan pelajar tahun akhir peringkat diploma muzik dengan pengetahuan dan kemahiran merancang, mengelola, mengurus, menerbit dan membuat persembahan untuk pertunjukan muzik. Pelajar dikehendaki terlibat dengan aktif dalam setiap peringkat produksi yang merangkumi perancangan di peringkat awal, latihan dan persediaan untuk *item* persembahan dan mengelolakan konsert.

AMT1163 TEKNIK PANCARAGAM

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada organisasi, pentadbiran dan pengurusan program pancaragam sekolah. Ianya mendedahkan pelajar kepada prinsip - prinsip asas kejurulatihan pancaragam kontemporari yang berkesan serta memberi peluang kepada pelajar untuk mengapikasi kemahiran - kemahiran ini dalam mempelajari cara menyediakan, mengelola, mengajar dan melatih sesebuah ensembel pancaragam. Kemahiran memimpin pancaragam juga akan diperkenalkan dalam kursus ini.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA MUZIK

AMT1173 TEKNIK NYANYIAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mengetahui aspek-aspek teknik vokal seperti teknik pernafasan, *postur*, penghasilan *tone*, artikulasi, penempatan suara (*register* suara), sebutan serta mempelajari kemahiran menjalankan ensembel koir. Pendedahan juga diberi kepada latihan tubi aplikasi irama dan nyanyian semerta di samping persediaan lati dan persembahan koir. Kemahiran memimpin koir juga akan diperkenalkan dalam kursus ini.

AMM1182 KEMAHIRAN BERMAIN PIANO I

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus pengenalan ini tertumpu kepada pelbagai teknik permainan seperti *postur* badan, tangan, penjarian dan lati teknikal seperti membaca not melalui permainan piano. Pelajar juga didedahkan kepada asas pengharmonian melodi serta bermain *repertoire* asas sebagai pengenalan kepada pelajar yang tiada pengalaman bermain piano.

AMM1192 KEMAHIRAN BERMAIN PIANO II

3 Kredit

Prasyarat : AMM1182 Kemahiran Bermain Piano I

Lanjutan bermain piano diteruskan bagi peningkatan kemahiran bermain di mana pelajar turut didedahkan dengan aspek pengharmonian melodi dengan pelbagai corak iringan. Kemahiran pelajar ditingkatkan dengan transposisi dan permainan berpanduan “lead sheet” serta bacaan semerta.

AMA1202 KEMAHIRAN KIBOD

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Pelajar akan didedahkan kepada teknik-teknik asas bermain dan mengendalikan alat kibod yang dianggap sebagai orkestra digital. Kemahiran yang akan dipelajari merangkumi aspek permainan dalam pelbagai rentak dan tone alat muzik bagi mengiringi suatu aktiviti muzik. Permainan berpanduan lead-sheet dan bacaan semerta juga dan improvisasi serta teknik bermain menggunakan sistem ‘fi ered’ chord, dan ‘intelligent’ chords dan juga asas dalam memprogram muzik dengan menggunakan ‘five-track composer’.

AMS1212 ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL MELAYU I

2 Kredit

Prasyarat: AMS1212 Ensembel Muzik Tradisional Melayu I

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar alat muzik yang terdapat dalam ensembel muzik traditional Melayu yang merangkumi alat dalam kategori *aerofon*, *idiofon* dan *kordofon*.

AMM1232 APLIKASI MUZIK I

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini diwajibkan kepada pelajar yang memilih nyanyian atau bermain alat muzik (satu alat dipilih) sebagai memenuhi syarat alat/nyanyian khusus. Kaedah pembelajaran secara “one-to-one” ini berupaya meningkatkan kemahiran untuk persembahan yang merangkumi penjarian, penghasilan tone, lontaran suara, siri “overtone” dan pembentukan “embouchure”. Pelajar dikehendaki menguasai repertoire yang ditentukan, teknik bermain dan bacaan semerta.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA MUZIK

AMM1242 APLIKASI MUZIK II

2 Kredit

Prasyarat: AMM1232 Aplikasi Muzik I

Kursus aras 2 ini diwajibkan kepada pelajar yang memilih nyanyian atau bermain alat muzik (satu alat dipilih) sebagai memenuhi syarat alat/nyanyian khusus. Kaedah pembelajaran secara “one-to-one” ini berupaya meningkatkan kemahiran untuk persembahan yang merangkumi penjarian, penghasilan tone, lontaran suara, siri “overtone” dan pembentukan “embouchure”. Pelajar dikehendaki menguasai repertorie yang ditentukan, teknik bermain dan bacaan semerta.

AMM1252 APLIKASI MUZIK III

2 Kredit

Prasyarat: AMM1242 Aplikasi Muzik II

Kursus aras 3 ini diwajibkan kepada pelajar yang memilih nyanyian atau bermain alat muzik (satu alat dipilih) sebagai memenuhi syarat alat/nyanyian khusus. Kaedah pembelajaran secara “one-to-one” ini berupaya meningkatkan kemahiran untuk persembahan yang merangkumi penjarian, penghasilan tone, lontaran suara, siri “overtone” dan pembentukan “embouchure”. Pelajar dikehendaki menguasai repertorie yang ditentukan, teknik bermain dan bacaan semerta.

AMM1262 APLIKASI MUZIK IV

2 Kredit

Prasyarat: AMM1252 Aplikasi Muzik III

Kursus aras 4 ini diwajibkan kepada pelajar yang memilih nyanyian atau bermain alat muzik (satu alat dipilih) sebagai memenuhi syarat alat/nyanyian khusus. Kaedah pembelajaran secara “one-to-one” ini berupaya meningkatkan kemahiran untuk persembahan yang merangkumi penjarian, penghasilan tone, lontaran suara, siri “overtone” dan pembentukan “embouchure”. Pelajar dikehendaki menguasai repertorie yang ditentukan, teknik bermain dan bacaan semerta.

AMS1272 ENSEMBEL INSTRUMENTAL I

2 Kredit

Prasyarat: AMT1163 Teknik Pancaragam

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mendalami kemahiran bermain dalam ensemble instrumental dari aspek teknik, seksyen dalam ensemble, lati dan persembahan mengikut kesesuaian enrolmen dan jenis alat yang sedia ada. Pemahaman pelajar dalam penyesuaian fleksibiliti mengikut repertoire pilihan pensyarah setiap semester akan diperkukuhkan lagi. Keupayaan untuk berkerjasama secara berkumpulan dalam menjayakan sesebuah persembahan yang baik. Pendedahan juga diberi kepada latih tubi aplikasi irama di samping persediaan latihan dan persembahan.

AMS1282 ENSEMBEL INSTRUMENTAL II

2 Kredit

Prasyarat: AMS1272 Ensemble Instrumental I

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mendalami kemahiran bermain dalam ensemble instrumental dari aspek teknik, seksyen dalam ensemble, latihan dan persembahan mengikut kesesuaian enrolmen dan jenis alat yang sedia ada. Pemahaman pelajar dalam penyesuaian fleksibiliti mengikut repertoire pilihan pensyarah setiap semester akan di perkukuhkan lagi. Keupayaan untuk berkerjasama secara berkumpulan dalam menjayakan sesebuah persembahan yang baik. Pendedahan juga diberi kepada latih tubi aplikasi irama di samping persediaan latihan dan persembahan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA MUZIK

AMS1292 ENSEMBEL INSTRUMENTAL III

2 Kredit

Prasyarat: AMS1282 Ensembl Instrumental II

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mendalami kemahiran bermain dalam ensemble instrumental dari aspek teknik, seksyen dalam ensemble, latihan dan persembahan mengikut kesesuaian enrolmen dan jenis alat yang sedia ada. Pemahaman pelajar dalam penyesuaian fleksibiliti mengikut repertoire pilihan pensyarah setiap semester akan diperkukuhkan lagi. Keupayaan untuk berkerjasama secara berkumpulan dalam menjayakan sesebuah persembahan yang baik. Pendedahan juga diberi kepada latih tubi aplikasi irama di samping persediaan latihan dan persembahan.

AMS1302 KOIR I

2 Kredit

Prasyarat : AMT1173 Teknik Nyanyian

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mendalami kemahiran menyanyi dalam koir. Ini mewujudkan berkerjasama secara berkumpulan dalam menjayakan sesebuah persembahan yang baik. Pendedahan juga diberi kepada latih tubi aplikasi irama, nyanyian semerta di samping persediaan latihan dan persembahan.

AMS1312 KOIR II

2 Kredit

Prasyarat: AMS1302 Koir I

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mendalami kemahiran menyanyi dalam koir. Ini mewujudkan berkerjasama secara berkumpulan dalam menjayakan sesebuah persembahan yang baik. Pendedahan juga diberi kepada latih tubi aplikasi irama, nyanyian semerta di samping persediaan latih dan persembahan.

AMS1322 KOIR III

2 Kredit

Prasyarat: AMS1312 Koir II

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mendalami kemahiran menyanyi dalam koir. Ini mewujudkan berkerjasama secara berkumpulan dalam menjayakan sesebuah persembahan yang baik. Pendedahan juga diberi kepada latih tubi aplikasi irama, nyanyian semerta di samping persediaan latih dan persembahan.

AMI1336 LATIHAN INDUSTRI

6 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal dalam organisasi berkaitan dengan industri muzik bagi memahami bagaimana pengetahuan dan kemahiran diaplikasi dalam situasi sebenar dalam suasana profesional. Di akhir kursus, pelajar dikehendaki menghantar laporan bertulis tentang proses dan pencapaian mereka dalam latihan industry berkenaan di samping membuat persediaan bagi kerjaya dalam bidang muzik.

STRUKTUR PROGRAM DIPLOMA TARI

OBJEKTIF PROGRAM

Program Diploma Tari yang ditawarkan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris berhasrat melahirkan graduan dalam bidang tari yang berteraskan kesenian dan kebudayaan, selaras dengan hasrat untuk meningkatkan kualiti sosio-ekonomi dan pembangunan modal insan bagi mencapai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 [PPPM (PT)]. Kandungan kurikulum program Diploma Tari ini digubal dengan matlamat untuk membentuk individu yang dapat mengembangkan potensi kognitif, afektif dan psikomotor secara seimbang daripada peringkat diploma untuk persediaan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda malahan ke peringkat yang lebih tinggi seperti sarjana dan doktor falsafah. Hal ini juga bertepatan dengan matlamat pendidikan sepanjang hayat (lifelong learning) yang menjadi salah satu tonggak pelan strategik universiti. Melalui kurikulum yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani membolehkan graduan memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dinamik serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi seterusnya berupaya menjadi modal insan yang kompeten ke arah melestarikan dunia seni persembahan, kesenian dan kebudayaan negara.

Program Diploma Tari akan melahirkan graduan yang:-

- i. Mengembangkan bakat, ilmu dan kemahiran dalam bidang seni persembahan dan yang berkaitan dengannya.
- ii. Melahirkan penggiat seni persembahan yang mempamerkan nilai, sikap, profesionalisme dan tingkah laku beretika.
- iii. Membentuk penggiat seni persembahan yang kompeten selaras dengan standard keperluan industri.
- iv. Menghasilkan penggiat seni persembahan yang komited dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

SYARAT AM DAN SYARAT KHAS PROGRAM DIPLOMA TARI

SYARAT AM

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan mendapat sekurang-kurang LIMA (5) kepujian/gred C, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian/gred C Bahasa Malaysia kertas Julai;

dan

Lulus sekurang-kurangnya gred E mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM (mulai tahun 2013)

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred E di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik

atau

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Sijil (Tahap 3 MQF)

dan

SYARAT KHAS

Lulus temuduga dan uji bakat yang dikendalikan oleh pihak
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI KURSUS UNIVERSITI

KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
BMK2012 / UBM2112	BAHASA MELAYU	2
BIU2022 / UBI2252	ENGLISH FOR INTERMEDIATE 1	2
UBI2262	ENGLISH FOR INTERMEDIATE 2	2
PKU2013 / UPU2213	ASAS KEUSAHAWANAN	3
UPU 2122	PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN	2
	KOKURIKULUM	3
UPU2342	INTEGRITI ANTI RASUAH	2
JUMLAH		16

SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

BMK2012 / UBM2112 BAHASA MELAYU

Prasyarat : Tiada

2 Kredit

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas-asas penting dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pelajar diberi pengetahuan tentang sejarah perkembangan bahasa Melayu serta aspek-aspek penting yang berkaitan dengannya. Pelajar dilatih menggunakan bahasa Melayu secara lisan dan bertulis dalam konteks rasmi dan tak rasmi.

BIU2022 / UBI2252 ENGLISH FOR INTERMEDIATE 1

Prasyarat : Tiada

2 Kredit

Ini adalah kursus bahasa Inggeris pertengahan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan lan- jutan tatabahasa dan meningkatkan penggunaan empat kemahiran bahasa. Pelajar dapat mengenal pasti idea utama yang didengar dan membentuk perbualan dalam situasi tidak formal. Pelajar didedahkan dengan beberapa sub-kemahiran membaca yang akan membolehkan mereka mengenal pasti idea utama dan butiran sokongan dalam petikan yang dibaca. Pemahaman ini akan membolehkan mereka membina idea utama dan penjelasan berdasarkan rangsangan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran menulis esei.

UBI2262 ENGLISH FOR INTERMEDIATE 2

Prasyarat : Tiada

2 Kredit

Ini adalah kursus bahasa Inggeris pertengahan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan lan- jutan tatabahasa dan meningkatkan penggunaan empat kemahiran bahasa. Pelajar dapat mengenal pasti idea utama yang didengar dan membentuk perbualan dalam situasi tidak formal. Pelajar didedahkan dengan beberapa sub-kemahiran membaca yang akan membolehkan mereka mengenal pasti idea utama dan butiran sokongan dalam petikan yang dibaca. Pemahaman ini akan membolehkan mereka membina idea utama dan penjelasan berdasarkan rangsangan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran menulis esei.

PKU2013 / UPU2213 ASAS KEUSAHAWANAN

Prasyarat : Tiada

3 Kredit

Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan.

UPU2122 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika & peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal & analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika & peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika & peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era prakolonial sehingga ke pascakolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika & peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika & peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional & bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpanduan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi & wahana etika & peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi & perkembangan teknologi maklumat & komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu penghayatan etika & peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial & digerakkan pada peringkat individu, keluarga komuniti masyarakat & negara. Justeru perubahan yang berlaku dalam masyarakat & pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika & peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini. (pengajaran & pembelajaran).

UPU2342 INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas tentang nilai integriti, bentuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa dalam kehidupan seharian serta dalam organisasi dan langkah-langkah pencegahan rasuah. Isu dan kes rasuah sebenar juga dibincangkan dalam sesi pembelajaran. Fokus utama kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan jenayah kolar putih supaya seseorang individu dapat bertindak dan kekal berintegriti setiap masa.

STRUKTUR PROGRAM DIPLOMA TARI

Struktur Pengajian Dua (2) Tahun

90 JAM KREDIT		
KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
BMK2012 / BM2112	KURSUS-KURSUS UNIVERSITI	2
	Bahasa Melayu	
BIU2012 / UBI2252	English For Intemediete 1	2
UBI2262	English For Intermediate 2	2
PKU2013 / UPU2213	Asas Keusahawanan	3
UPU2122	Penghayatan Etika Dan Peradaban	2
HNS2042 / UPU2342	Integriti Anti Rasuah	2
	Kokurikulum	3
JUMLAH		14
APC1013	MAJOR	3
	Pergerakan Biomekanik	
APC1042	Solekan Pentas	2
APC1053	Apresiasi Seni Persembahan	3
APC1063	Rekaan dan Pembuatan Kostum	3
APC1073	Rekaan Cahaya	3
ADT1022	Proposal Tari	2
ADT1033	Metodologi Pengajaran Tari	3
ADT1052	Budaya Tari Dunia	2
ADP1013	Tari Tradisional Melayu	3
ADP1023	Tari Rakyat Malaysia	3
ADP1032	Pengenalan Kepada Ballet	2
ADP1053	Tari Klasik Melayu	3
ADP1062	Pengenalan Kepada Tari Moden	2
ADP1072	Pencegahan Kecederaan dan Kesihatan Untuk Penari	2
ADP1093	Ensembel Tari	3
ADP1103	Muzik Untuk Tari	3
ADP1113	Improvisasi Gerak Tari	3
ADP1122	Tari Asia Tenggara	2
ADP1133	Pengenalan Kepada Drama Tari	3
ADP1153	Komposisi Tari	3
ADP1163	Koreografi	3
ADP1193	Teknik Asas Tari Kontemporari	3
ADP1203	Teknik Lanjutan Tari Kontemporari	3
ADP1212	Teknik Tari Cina	2
ADP1222	Bharata Natyam	2
ADP1234	Resital Tari	4
JUMLAH		70
APP1016	Latihan Industri	6
JUMLAH KESELURUHAN		90

SENARAI KURSUS DENGAN PRASYARAT

KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT	
			KOD	KURSUS
ADP1163	Koreografi	3	ADP1113	Improvisasi Gerak Tari
			ADP1153	Komposisi Tari
ADP1203	Teknik Lanjutan Tari Kontemporari	3	ADP1193	Teknik Asas Tari Kontemporari
ADP1234	Resital Tari	4	Mendaftar dan lulus semua kursus ADP yang diambil pada Semester 1, Semester 2, Semester 3 dan Semester 4.	
APP1016	Latihan Industri	6	Mendaftar dan lulus semua kursus major.	

KURSUS MENGIKUT SEMESTER PENGAJIAN DIPLOMA TARI

STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER DIPLOMA TARI- 90 JAM KREDIT					
SEMESTER 1			SEMESTER 2		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
UBM2112	Bahasa Melayu	2	UPU2312	Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia	2
UPU2213	Asas Keusahawanan	3	UBI2222	English Proficiency 2	2
UPU2122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2			
UBI2212	English Proficiency 1	2			1
CPR2011	Pembimbing Rakan Sebaya	1	CSR2021	Kembara Alam	
APC1013	Pergerakan Biomekanik	3	ADP1053	Tari Klasik Melayu	3
ADT1052	Budaya Tari Dunia	2	ADP1103	Muzik Untuk Tari	3
ADP1032	Pengenalan Kepada Ballet	2	ADP1113	Improvisasi Gerak Tari	3
ADP1062	Pengenalan Kepada Tari Moden	2	ADP1153	Komposisi Tari	3
ADP1072	Pencegahan Kecederaan dan Kesihatan Untuk Penari	2	ADP1193	Teknik Asas Tari Kontemporari	3
JUMLAH JAM KREDIT		19	JUMLAH JAM KREDIT		20
SEMESTER 3 (KHAS)			SEMESTER 4		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
CUR2011	Pasukan Pertolongan Cemas I	1	ADP1013	Tari Tradisional Melayu	3
APC1042	Solekan Pentas	2	ADP1023	Tari Rakyat Malaysia	3
APC1063	Rekaan dan Pembuatan Kostum	3	ADP1122	Tari Asia Tenggara	2
APC1073	Rekaan Cahaya	3	ADP1133	Pengenalan Kepada Drama Tari	3
			ADP1163	Koreografi	3
			ADP1203	Teknik Lanjutan Tari Kontemporari	3
JUMLAH JAM KREDIT		9	JUMLAH JAM KREDIT		17
SEMESTER 5			SEMESTER 6 (KHAS)		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
UPU2342	Integriti Anti Rasuah	2	APP1016	Latihan Industri	6
APC1053	Apresiasi Seni Persembahan	3			
ADT1033	Metodologi Pengajaran Tari	3			
ADP1093	Ensembel Tari	3			
ADP1212	Teknik Tari Cina	2			
ADP1222	Bharata Natyam	2			
ADP1234	Resital Tari	4			
JUMLAH JAM KREDIT		19	JUMLAH JAM KREDIT		6

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TARI

APC1013 PERGERAKAN BIOMEKANIK

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar aspek-aspek saintifik dalam tari, termasuk terminologi anatomikal; pengenalan tulang dan otot, dan mengaplikasikan fungsional di atas dalam tari. Pelajar akan digalakkan untuk membentuk proses kerja peribadi melalui eksplorasi tubuh dengan mempertimbangkan aspek falsafah daripada pengajaran dan pembelajaran tari.

APC1042 SOLEKAN PENTAS

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar bagaimana untuk mengembangkan idea daripada sumber perbahan dalam menata tatarias. Pelajar juga akan merealisasikan idea kreatif tersebut dengan menampilkan teknik tatarias yang bersesuaian dengan keperluan persembahan.

APC1053 APRESIASI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada persembahan seperti tari, teater dan muzik sebagai satu bentuk seni dan dalam bentuk hiburan sosial dan kebudayaan. Ia meningkatkan kefahaman pelajar dari sudut esteti persembahan dengan memberi tumpuan kepada mereka yang terlibat dalam persembahan, koreografer, pengarah atau pencipta lagu dan guru yang telah menghasilkan bentuk seni itu sendiri. Kursus ini juga direka agar pelajar menghadiri dan melihat pelbagai jenis persembahan melalui persembahan secara langsung, rakaman video, kuliah, perbincangan dan hasil penulisan.

APC1063 REKAAN DAN PEMBUATAN KOSTUM

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar bagaimana untuk mengembangkan idea daripada sumber perbahan dalam merekabentuk kostum. Pelajar juga akan merealisasikan idea kreatif tersebut dengan menghasilkan produk rekaan kostum yang bersesuaian dengan keperluan persembahan. Pelajar juga didedahkan pada konstruksi kostum termasuk membentuk teknik *draping*, pembuatan pola datar, teknik mengubahsuaikan dan teknik jahitan.

APC1073 REKAAN CAHAYA

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar dalam merekabentuk pencahayaan. Pelajar akan dibimbing untuk mengabungkan analisis kontekstual melalui pemerhatian, keterangan, manipulasi pada pencahayaan serta audio dengan penilaian berdasarkan ketentuan dramatik dan kualiti ruang. Pelajar perlu mengkoordinasi dan mengeksplorasi prinsip rekabentuk audio pencahayaan bagi menghasilkan kesesuaian dalam persembahan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TARI

ADT1033 METODOLOGI PENGAJARAN TARI

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada falsafah, kaedah dan strategi pengajaran tari secara khusus. Implementasi ke arah latihan tatacara pengajaran, pembinaan modul pengajaran dan pemerhatian didedahkan bagi meningkatkan pemahaman terhadap konsep pendidikan tari yang boleh diaplikasi untuk komuniti dan pengajaran di peringkat sekolah.

ADT1052 BUDAYA TARI DUNIA

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kepelbagaian tari tradisi dalam pelbagai lingkungan budaya Asia dan luar Asia yang meliputi aspek artistik serta performatif melalui perspektif sosio-budaya.

ADP1013 TARI TRADISIONAL MELAYU

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi penekanan dalam pengetahuan latar belakang tentang tari tradisional Melayu yang membentuk asal-usul, tema dan gaya tari. Pelajar juga akan mempelajari ragam asas, bentuk ritma, posisi dan formasi tarian tersebut.

ADP1023 TARI RAKYAT MALAYSIA

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi penekanan dalam pengetahuan latar belakang tentang tari rakyat Malaysia yang membentuk asal-usul, tema dan stail tari. Pelajar juga akan mempelajari ragam asas, bentuk ritma, posisi dan formasi tarian tersebut.

ADP1032 PENGENALAN KEPADA BALLET

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mengenali serta mempelajari sejarah tari Ballet. Pelajar juga mempelajari teknik-teknik asas Ballet serta mengenali dan memahami istilah-istilah dalam tari Ballet.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TARI

ADP1053 TARI KLASIK MELAYU

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi penekanan dalam pengetahuan latar belakang tentang tari klasik Melayu yang membentuk asal-usul, tema dan gaya tari. Pelajar juga akan mempelajari ragam asas, bentuk ritma, posisi dan formasi tarian tersebut.

ADP1062 PENGENALAN KEPADA TARI MODEN

2 Kredit

Prasyarat : Lulus kursus ADP1032 Pengenalan Kepada Ballet

Kursus ini memerlukan pelajar untuk menguasai disiplin teknik dan gaya tari moden. Kursus ini juga mengetengahkan repertoire daripada arti tari moden terkenal seperti Graham, Limon dan Cunningham yang telah membina perbendaharaan gerak yang spesifik. Pelajar akan menguasai teknik-teknik pergerakan dan kemahiran teknikal untuk mempersiapkan tubuh sebagai alat ekspresi dalam tari moden.

ADP1072 PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN KESIHATAN UNTUK PENARI

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada prinsip-prinsip, strategi, pencegahan kecederaan dan kesihatan untuk penari. Ia juga memberi tumpuan kepada kepekaan fizikal yang mengutamakan kepada memperbaiki keperluan-keperluan individu dan tahap kesegaran tubuh secara umum.

ADP1093 ENSEMBEL TARI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelbagai ensembel untuk mencantikkan sebuah persembahan tari. Ia merangkumi lati vokal untuk ensembel lagu atau korus dan kemahiran lakonan untuk tujuan *theatrical*. Pelajar juga dilatih dalam disiplin persembahan di samping persediaan kognitif dan fizikal sebelum persembahan.

ADP1103 MUZIK UNTUK TARI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pengenalan kepada elemen muzikaliti dalam gerak tari. Ia juga mendedahkan pelajar kepada kemahiran muzik yang diperlukan dalam bidang pedagogi tari, persembahan dan koreografi. Pelajar juga akan mempelajari pengenalan teori muzik, komposisi dan analisis berirama, muzik untuk kelas tarian serta latihan penggunaan alat penyuntingan muzik atau bunyi.

ADP1113 IMPROVISASI GERAK TARI

3 Kredit

Prasyarat : Lulus semua kursus ADP

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas untuk improvisasi gerak tari. Fokus pembelajaran adalah pada elemen improvisasi dalam pergerakan, tumpuan kepada *contact improvisation* seperti *touching*, *rub* dan *slide*. Improvisasi gerak tari juga mengaplikasikan persekitaran sebagai medium pergerakan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TARI

ADP1122 TARI ASIA TENGGARA

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi penekanan dalam pengetahuan latar belakang tentang tari Asia Tenggara yang membentuk asal-usul, tema dan stail tari. Pelajar juga akan mempelajari ragam asas, bentuk ritma, posisi dan formasi tarian tersebut.

ADP1133 PENGENALAN KEPADA DRAMA TARI

2 Kredit

Prasyarat : Lulus Kursus ADP1093 Ensembel Tari

Kursus ini memberi pengenalan kepada bentuk-bentuk utama dramatari di Malaysia dan Asia Tenggara. Membincangkan bentuk-bentuk dramatari klasik dan kontemporari dunia khususnya di Asia Tenggara dan alam Melayu sebagai rujukan. Pelajar berupaya mengenalpasti dan mengolah bahasa gerak dan isyarat sebagai wahana utama persembahan.

ADP1153 KOMPOSISI TARI

3 Kredit

Prasyarat : Lulus semua kursus ADP

Kursus ini memperkenalkan prinsip asas untuk komposisi gerak tari. Fokus pembelajaran adalah pada elemen komposisi dalam pergerakan seperti pengalaman dalam hubungan spatial, dinamik, kualiti dan rekaan pergerakan. Kandungan komposisi, struktur dan proses akan dipelajari melalui latihan improvisasi dan tugas kreatif.

ADP1163 KOREOGRAFI

3 Kredit

Prasyarat : Lulus Kursus ADP1113 Improvisasi Gerak Tari dan Kursus ADP1153 Komposisi Tari

Kursus ini memerlukan pelajar untuk membuat eksplorasi elemen komposisi dan improvisasi untuk diaplikasikan dalam sebuah koreografi. Bengkel eksplorasi ini membenarkan pelajar untuk mengenalpasti pelbagai kemahiran koreografi, menggabungkan teori dengan dan menghasilkan sebuah komposisi untuk *solo*, *duet*, *trio* atau berkumpulan.

ADP1193 TEKNIK ASAS TARI KONTEMPORARI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merupakan pengenalan kepada Teknik Asas Tari Kontemporari. Ia mendedahkan pelajar kepada pemahaman terhadap diri, tubuh dan kekuatan bahagian utama tubuh. Pelajar akan terlibat dalam mengeksplotasi keseluruhan tubuh melalui latihan pemanasan badan, *cross-locomotion* dan *centre-floor works*.

ADP1203 TEKNIK LANJUTAN TARI KONTEMPORARI

3 Kredit

Pra Syarat: Lulus ADP1193

Kursus ini merupakan kesinambungan daripada Teknik Asas Tari Kontemporari. Pelajar bukan sahaja menggunakan tari sebagai suatu ekspresi tapi turut membina pattern pergerakan yang berintegrasi dalam kumpulan. Keseluruhan proses ini membolehkan pelajar untuk mengembangkan kemahiran Tari Kontemporari serta berupaya untuk menganalisis secara kritikal bersama kumpulan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TARI

ADP1212 TEKNIK TARI CINA

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar untuk mengenal pasti ciri-ciri tari Cina, yang meliputi kedua-dua jenis tari klasik dan tari rakyat yang terpilih. Pelajar akan dilatih dalam penggunaan pernafasan untuk pergerakan, pembangunan kawalan otot lembut, serta penggunaan aksi putaran badan.

ADP1222 BHARATA NATYAM

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar mengenai sejarah dan ekspresi tari klasik India Bharata Natyam, dan latihan ditekankan kepada gerak kaki, gesture tangan (Mudras), ekspresi muka dan gaya mengikut ritma, serta pakaian dan busananya.

ADP1234 RESITAL TARI

3 Kredit

Prasyarat : Lulus Semua Kursus ADP

Kursus ini dirangka khas untuk mendedahkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran merancang, mengurus, dan mempersembahkan karya mereka. Pelajar dikehendaki terlibat dengan aktif dalam setiap peringkat produksi yang merangkumi perancangan di peringkat awal, latihan dan persediaan untuk repertoir persembahan dan pengurusan produksi.

APP1016 LATIHAN INDUSTRI

6 Kredit

Prasyarat : Mendaftar dan lulus semua kursus Major

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal dalam organisasi berkaitan dengan industri bagi memahami bagaimana pengetahuan dan kemahiran diaplikasi dalam situasi sebenar dalam suasana profesional. Di akhir kursus, pelajar dikehendaki menghantar laporan bertulis tentang proses dan pencapaian mereka dalam latihan industri berkenaan.

STRUKTUR PROGRAM DIPLOMA TEATER

OBJEKTIF PROGRAM

Program Diploma Teater merupakan sebuah program seni persembahan yang merupakan wadah ilmu kepada masyarakat dengan tujuan untuk melestarikan budaya dan seni di Malaysia. Lakon, pengarah dan pengurusan produksi merupakan beberapa gabungan unsur yang terdapat dalam seni persembahan yang menjadi teras kepada program ini. Selain itu, program ini juga berupaya membentuk individu yang berketerampilan dan berkeyakinan tinggi. Tuntasnya, program ini dapat melahirkan individu yang seimbang antara teori dan praktikal dalam seni persembahan.

Program Diploma Teater akan melahirkan graduan yang :-

- i. Mengembangkan bakat, ilmu dan kemahiran dalam bidang seni persembahan dan yang berkaitan dengannya.
- ii. Melahirkan penggiat seni persembahan yang mempamerkan nilai, sikap, profesionalisme dan tingkah laku beretika.
- iii. Membentuk penggiat seni persembahan yang kompeten selaras dengan standard keperluan industri.
- iv. Menghasilkan penggiat seni persembahan yang komited dan bertanggungjawab kepada masyarakat

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

SYARAT AM DAN SYARAT KHAS PROGRAM DIPLOMA TEATER SYARAT AM

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan mendapat sekurang-kurang LIMA (5) kepujian/gred C, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian/gred C Bahasa Malaysia kertas Julai;

dan

Lulus sekurang-kurangnya gred E mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM (mulai tahun 2013)

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred E di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik

atau

Memiliki Sijil *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) yang dianugerahkan oleh MQA Peringkat Sijil (Tahap 3 MQF)

dan

SYARAT KHAS

Lulus temuduga dan uji bakat yang dikendalikan oleh pihak
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

STRUKTUR KURSUS UNIVERSITI

KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
BMK2012 / UBM2112	BAHASA MELAYU	2
BIU2022 / UBI2252	ENGLISH FOR INTERMEDIATE 1	2
UBI2262	ENGLISH FOR INTERMEDIATE 2	2
PKU2013 / UPU2213	ASAS KEUSAHAWANAN	3
HNH3182 / UPU3122	PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN	2
	KOKURIKULUM	3
UPU2342	INTEGRITI ANTI RASUAH	2
JUMLAH		16

SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

BMK2012 / UBM2112 BAHASA MELAYU

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas-asas penting dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pelajar diberi pengetahuan tentang sejarah perkembangan bahasa Melayu serta aspek-aspek penting yang berkaitan dengannya. Pelajar dilatih menggunakan bahasa Melayu secara lisan dan bertulis dalam konteks rasmi dan tak rasmi.

UBI2252 ENGLISH For Intermediate 1

2 Kredit

Prasyarat: Tiada

Ini adalah kursus bahasa Inggeris pertengahan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan lanjutan tatabahasa dan meningkatkan penggunaan empat kemahiran bahasa. Pelajar dapat mengenal pasti idea utama yang didengar dan membentuk perbualan dalam situasi tidak formal. Pelajar didedahkan dengan beberapa sub-kemahiran membaca yang akan membolehkan mereka mengenal pasti idea utama dan butiran sokongan dalam petikan yang dibaca. Pemahaman ini akan membolehkan mereka membina idea utama dan penjelasan berdasarkan rangsangan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran menulis esei.

UBI2262 ENGLISH For Intermediate 2

2Kredit

Prasyarat: Tiada

Ini adalah kursus bahasa Inggeris pertengahan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan lanjutan tatabahasa dan meningkatkan penggunaan empat kemahiran bahasa. Pelajar dapat mengenal pasti idea utama yang didengar dan membentuk perbualan dalam situasi tidak formal. Pelajar didedahkan dengan beberapa sub-kemahiran membaca yang akan membolehkan mereka mengenal pasti idea utama dan butiran sokongan dalam petikan yang dibaca. Pemahaman ini akan membolehkan mereka membina idea utama dan penjelasan berdasarkan rangsangan yang disediakan untuk meningkatkan kemahiran menulis esei.

PKU2013 / UPU2213 ASAS KEUSAHAWANAN

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan.

SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

UPU2122 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika & peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal & analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika & peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika & peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era prakolonial sehingga ke pascakolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika & peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika & peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional & bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpanduan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi & wahana etika & peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi & perkembangan teknologi maklumat & komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu penghayatan etika & peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial & digerakkan pada peringkat individu, keluarga komuniti masyarakat & negara. Justeru perubahan yang berlaku dalam masyarakat & pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika & peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini. (pengajaran & pembelajaran).

UPU2342 INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

2 Kredit

Kursus ini merangkumi konsep asas tentang nilai integriti, bentuk kesalahan rasuah dan salah guna kuasa dalam kehidupan seharian serta dalam organisasi dan langkah-langkah pencegahan rasuah. Isu dan kes rasuah sebenar juga dibincangkan dalam sesi pembelajaran. Fokus utama kursus ini adalah untuk membangunkan kemahiran yang di perlukan untuk menghadapi isu-isu rasuah, salah guna kuasa dan jenayah kolar putih supaya seseorang individu dapat bertindak dan kekal berintegriti setiap masa.

STRUKTUR PROGRAM DIPLOMA TEATER

Struktur Pengajian Dua (2) Tahun

90 JAM KREDIT		
KOD KURSUS	KOMPONEN	JAM KREDIT
	KURSUS-KURSUS UNIVERSITI	
BMK2012 / UBM2112	Bahasa Melayu	2
BIU2022 / UBI2252	English For Intermediate 1	2
UBI2262	English For Intermediate 2	2
PKU2013 / UPU2213	Asas Keusahawanan	3
UPU2122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2
UPU2342	Integriti Dan Anti Rasuah	2
	Kokurikulum	3
JUMLAH		16
	MAJOR	
APC1013	Pergerakan Biomekanik	3
APC1042	Solekan Pentas	2
APC1053	Apresiasi Seni Persembahan	3
APC1063	Rekaan dan Pembuatan Kostum	3
APC1073	Rekaan Cahaya	3
ATT1012	Pengenalan Teater	2
ATT1023	Sejarah Teater	3
ATT1033	Teater Tradisional Malaysia	3
ATT1043	Pengajaran Drama dan Teater	3
ATT1052	Rekaan Promosi Persembahan	2
ATP1033	Lukisan Teknikal Pentas	3
ATP1043	Teater Improvisasi	3
ATP1053	Pengurusan Pentas	3
ATP1073	Penulisan Skrip Pentas	3
ATP1103	Rekaan Produksi Teater Klasik	3
ATP1113	Pengenalan Kepada Pengarahan	3
ATP1123	Rekaan Produksi Teater Moden	3
ATP1143	Teknik Lakonan Pentas	3
ATP1153	Vokal Untuk Lakonan Pentas	3
ATP1163	Asas Rekaan Set	3
ATP1173	Asas Pertukangan Untuk Latarhias	3
ATP1183	Wayang Kulit Malaysia	3
ATP1194	Projek Akhir Teater	4
AMT1173	Teknik Nyanyian	3
JUMLAH		70
APP1016	Latihan Industri	6
JUMLAH KESELURUHAN		90

SENARAI KURSUS DENGAN PRASYARAT

KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRASYARAT	
			KOD	KURSUS
ATP1113	Pemengenalan kepada Pengarahan	3	ADP1013	Lakonan Pentas
			ATP1083	Rekaan dan Konstruksi Set
APP1016	Latihan Industri	6	Mendaftar dan lulus semua kursus major	

KURSUS MENGIKUT SEMESTER PENGAJIAN DIPLOMA TEATER

STRUKTUR PENGAJIAN MENGIKUT SEMESTER DIPLOMA TEATER- 90 JAM KREDIT					
SEMESTER 1			SEMESTER 2		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
UBM2112	Bahasa Melayu	2			
UPU2122	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	UBI2262	<i>English For Intermediate 2</i>	2
UPU2213	Asas Keusahawanan	3			
UBI2252	<i>English For Intermediate 1</i>	2	CSR2021	Kembara Alam	1
CPR2011	Pembimbing Rakan Sebaya	1	ATT1023	Sejarah Teater	3
APC1013	Pergerakan Biomekanik	3	ATP1053	Pengurusan Pentas	3
ATT1063	Pengantar Teater	3	ATP1043	Teater Improvisasi	3
ATP1143	Teknik Lakonan Pentas	3	ATP1153	Rekaan Produksi Teater Klasik	3
			ATP1153	Vokal Untuk Lakonan Pentas	3
JUMLAH JAM KREDIT		19	JUMLAH JAM KREDIT		18
SEMESTER 3 (KHAS)			SEMESTER 4		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
CUR2011	Pasukan Pertolongan Cemas I	1	AMT1173	Teknik Nyanyian	3
APC1042	Solekan Pentas	2	ATP1033	Lukisan Teknikal Pentas	3
APC1063	Rekaan dan Pembuatan Kostum	3	ATP1073	Penulisan Skrip Pentas	3
APC1073	Rekaan Cahaya	3	ATP1113	Pengenalan Kepada Pengarahan	3
			ATP1123	Rekaan Produksi Teater Moden	3
			ATP1163	Asas Rekaan Set	3
			ATT1043	Pengajaran Drama dan Teater	3
JUMLAH JAM KREDIT		9	JUMLAH JAM KREDIT		21
SEMESTER 5			SEMESTER 6 (KHAS)		
<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>	<u>KOD KURSUS</u>	<u>NAMA KURSUS</u>	<u>KT</u>
UPU2342	Integriti Anti Rasuah	2	APP1016	Latihan Industri	6
ATP1183	Wayang Kulit Malaysia	3			
APC1053	Apresiasi Seni Persembahan	3			
ATP1194	Projek Akhir Teater	4			
ATT1033	Teater Tradisional Malaysia	3			
ATT1052	Rekaan Promosi Persembahan	2			
JUMLAH JAM KREDIT		17	JUMLAH JAM KREDIT		6

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TEATER

APC1013 PERGERAKAN BIOMEKANIK

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar aspek-aspek saintifi dalam tari, termasuk terminologi anatomikal; pengenalan tulang dan otot, dan, mengaplikasikan fungsional di atas dalam tari. Pelajar akan digalakkan untuk membentuk proses kerja peribadi melalui eksplorasi tubuh dengan mempertimbangkan aspek falsafah daripada pengajaran dan pembelajaran tari.

APC1073 REKAAN CAHAYA

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar dalam merekabentuk pencahayaan. Pelajar akan dibimbing untuk mengabungkan analisis kontekstual melalui pemerhatian, keterangan, manipulasi pada pencahayaan serta audio dengan penilaian berdasarkan ketentuan dramatik dan kualiti ruang. Pelajar perlu mengkoordinasi dan mengeksplorasi prinsip rekabentuk audio pencahayaan bagi menghasilkan kesuaian dalam persembahan.

APC1042 SOLEKAN PENTAS

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar bagaimana untuk mengembangkan idea daripada sumber perbahan dalam menata tatarias. Pelajar juga akan merealisasikan idea kreatif tersebut dengan menampilkan teknik tatarias yang bersesuaian dengan keperluan persembahan.

APC1053 APRESIASI SENI PERSEMBAHAN

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada persembahan seperti tari, teater dan muzik sebagai satu bentuk seni dan dalam bentuk hiburan sosial dan kebudayaan. Ia meningkatkan kefahaman pelajar dari sudut estetika persembahan dengan memberi tumpuan kepada mereka yang terlibat dalam persembahan, koreografer, pengarah atau pencipta lagu dan guru yang telah menghasilkan bentuk seni itu sendiri. Kursus ini juga direka agar pelajar menghadiri dan melihat pelbagai jenis persembahan melalui persembahan secara langsung, rakaman video, kuliah, perbincangan dan hasil penulisan.

APC1063 REKAAN DAN PEMBUATAN KOSTUM

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar bagaimana untuk mengembangkan idea daripada sumber perbahan dalam merekabentuk kostum. Pelajar juga akan merealisasikan idea kreatif tersebut dengan menghasilkan produk rekaan kostum yang bersesuaian dengan keperluan persembahan. Pelajar juga didedahkan pada konstruksi kostum termasuk membentuk teknik *draping*, pembuatan pola datar, teknik mengubahsuai dan teknik jahitan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TEATER

ATT1012 PENGENALAN TEATER

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirancang bagi mendedahkan pelajar kepada pengenalan seni persembahan teater. Pelajar akan dibimbing untuk pemahaman, apresiasi dan penilaian kritikal mengenai teater di dalam budaya masyarakat sebagai satu bentuk seni serta fenomena sosial.

ATT1043 PENGAJARAN DRAMA DAN TEATER

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kurikulum ini dirancang untuk mendedahkan pelajar kepada pengajaran teater dan drama. Pelajar akan dibimbing dengan kemahiran pengajaran drama dan teater meliputi prinsip dan etika pengajaran, pelan pengajaran harian, pendekatan teater untuk konsep pembelajaran seronok, konsep kejurulatihan teater, teater permainan, stimulasi dan main peranan dalam kaedah pendidikan teater. Pelajar juga akan mengendalikan sebuah projek akhir mengajar drama dan teater di khalayak yang terpilih.

ATT1052 REKAAN PROMOSI PERSEMBAHAN

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada kemahiran menggunakan perisian komputer untuk menghasilkan item promosi yang digunakan dalam hebahkan persembahan. Teknik dan prinsip reka bentuk turut di tekankan untuk menghasilkan rekaan yang berkualiti bagi hebahkan sesuatu produksi.

ATT1033 TEATER TRADISIONAL MALAYSIA

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Program ini akan mendedahkan para pelajar terhadap sejarah, bentuk, struktur, estetika dan perkembangan teater tradisional Malaysia. Pelajar kemudiannya akan mempamerkan persembahan teater tradisional berdasarkan genre persembahan yang dipilih.

ATT1023 SEJARAH TEATER

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini dirancang bagi mendedahkan para pelajar tentang sejarah, bentuk, ciri, struktur dan falsafah sejarah teater dari zaman Greek sehingga zaman Neo Klasik. Pelajar akan dibimbing dengan meneliti pembentukan dramaturgi yang telah terbina menerusi Teater dan Drama Greek Purba, Teater dan Drama Roman, Teater Medieval, Teater *Comedian Dell'arte*, Teater Zaman *Renaissance Elizebeth* dan Teater Zaman Neoklasisme di dalam sejarah persembahan teater.

ATP1033 LUKISAN TEKNIKAL PENTAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kemahiran lukisan teknikal. Pelajar dibimbing dalam lukisan teknikal bermula dari proses melukis kepada bentuk skala untuk tujuan rekaan seni persembahan dengan menggunakan perisian terkini.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TEATER

ATP1043 TEATER IMPROVISASI

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar dengan teknik lakonan improvisasi untuk persembahan spontan. Pelajar akan diberikan praktis dan panduan untuk penciptaan dialog, latar dan plot untuk dipersembahkan. Persembahan akhir akan dibuat berdasarkan genre seperti *playback theatre*, komedi dan *theatre of the oppressed*.

ATP1143 TEKNIK LAKONAN PENTAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar tentang teknik lakonan pilihan bagi membina dan mempamerkan seni lakonan dalam ruang persembahan pentas.

ATP1153 VOKAL UNTUK LAKONAN PENTAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar tentang kemahiran pengolahan vokal untuk lakonan meliputi variasi suara, projeksi suara, olah teknik pernafasan, olah pengucapan dan bentuk ucapan bagi persembahan teater.

ATP1173 ASAS PERTUKANGAN UNTUK LATARHIAS

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada pengetahuan dan teknik pertukangan pentas meliputi kefahaman tentang ciri-ciri fizikal, keselamatan dan penggunaan peralatan serta bahan-bahan yang sesuai untuk pembinaan latar.

ATP1053 PENGURUSAN PENTAS

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirancang bagi mendedahkan pelajar kepada sistem pengurusan persembahan teater. Pelajar akan dibimbing tentang kemahiran pengurusan peringkat pra produksi, pengurusan peringkat semasa pementasan dan pengurusan pasca produksi di dalam menyelaraskan sesebuah pementasan teater. Pelajar akhirnya akan menyediakan satu projek akhir untuk menyelaraskan sebuah pengurusan persembahan teater.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TEATER

ATP1073 PENULISAN SKRIP PENTAS

2 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar menuju ke proses kreativiti dalam dispensasi idea-idea dan tema yang cemerlang untuk penulisan drama. Selain format, pelajar juga dibimbing untuk mengeksplorasi berbagai gaya, genre dan bentuk penulisan.

ATP1183 WAYANG KULIT MALAYSIA

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada pengetahuan teori dan sejarah teater wayang kulit di Malaysia. Selain itu, pelajar juga akan diajar tentang komponen asas dalam persembahan wayang kulit terpilih.

ATP1103 REKAAN PRODUKSI TEATER KLASIK

3 Kredit

Prasyarat: Tiada

Kursus ini dirancang bagi mendedahkan kepada para pelajar tentang pementasan teater yang bergenrekan klasik. Melaluinya pelajar akan dibimbing dengan menghasilkan semula pembinaan dramatik teater bergenrekan klasik yang berpandukan dari naskah teks terpilih ke dalam pementasan.

ATP1113 PENGENALAN KEPADA PENGARAHAN

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirancang untuk mendedahkan pelajar kepada kemahiran pengarah persembahan teater. Pelajar akan dibimbing untuk membina halatuju pengarah bagi membentuk persembahan teater mengikut genre. Pelajar akhirnya akan menyediakan satu projek akhir untuk menyelaraskan pengarah sebuah persembahan teater.

ATP1123 REKAAN PRODUKSI TEATER MODEN

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirancang bagi mendedahkan kepada para pelajar tentang pementasan teater bergenrekan moden. Melaluinya pelajar akan dibimbing dengan menghasilkan semula pembinaan dramatik teater bergenrekan Moden yang berpandukan dari naskah teks terpilih ke dalam pementasan.

SINOPSIS KURSUS DIPLOMA TEATER

ATP1194 PROJEK AKHIR TEATER

4 Kredit

Prasyarat : Tiada

Ini merupakan kursus projek akhir yang menjuruskan pelajar kepada proses merancang dan mengendalikan penerbitan, pengurusan, pemasaran serta penciptaan artistik sebuah pementasan teater berdasarkan naskhah berwibawa bermula dari fasa pra sehingga pasca produksi

AMT1173 TEKNIK NYANYIAN

3 Kredit

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar mengetahui aspek-aspek teknik vokal seperti teknik pernafasan, postur, penghasilan ton, artikulasi, penempatan suara (register suara), sebutan serta mempelajari kemahiran menjalankan *ensemble* koir. Pendedahan juga di beri kepada lati tubi aplikasi irama dan nyanyian semerta disamping persediaan latihan dan persembahan koir. Kemahiran *conducting* koir juga akan di perkenalkan dalam kursus ini.

APP1016 LATIHAN INDUSTRI

6 Kredit

Prasyarat : Mendaftar dan lulus semua kursus major

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal dalam organisasi berkaitan dengan industri bagi memahami bagaimana pengetahuan dan kemahiran diaplikasi dalam situasi sebenar dalam suasana profesional. Di akhir kursus, pelajar dikehendaki menghantar laporan bertulis tentang proses dan pencapaian mereka dalam latihan industri berkenaan.

KEMUDAHAN FIZIKAL FAKULTI

BIL	KEMUDAHAN	BIL	KEMUDAHAN
1.	Panggung Budaya	21.	Dewan Resital
2.	Studio Koir	22.	Bilik Mini Resital
3.	Studio Pancaragam	23.	Bilik Tutorial Seni Persembahan
4.	Studio Orkestra	24.	Bilik Kuliah FMSP 1
5.	Studio Seni Persembahan (Orkestra 2)	25.	<i>Smart Class Room</i>
6.	Studio Gamelan 1	26.	Bilik Kuliah FMSP 3
7.	Studio Gamelan 2	27.	Bilik Kuliah FMSP 4
8.	Studio Caklempong	28.	Bilik Latihan Individu
9.	Studio Muzik Asli	29.	Bilik Latihan Piano
10.	Studio Pemuzik	30.	Makmal Kibod
11.	Studio Wayang Kulit	31.	Makmal Piano
12.	Studio Black Box	32.	Makmal Komputer FMSP 1
13.	Studio Perkusi	33.	Makmal Komputer FMSP 2
14.	Studio Seni Tari	34.	<i>Lounge Room</i>
15.	Studio Seni Lakon	35.	Perpustakaan Muzik
16.	Studio <i>Brass Band</i>	36.	Bilik Diraja
17.	Studio Rakaman	37.	Kafetaria
18.	Bilik Kombo	38.	Lanai Budaya
19.	Bilik Keroncong	39.	FMSP Mart
20.	Dewan Kuliah A	40.	Surau

SAHSIAH DIRI PELAJAR

- Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas mengikut peraturan berpakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti
- Kad Pelajar hendaklah dipamerkan semasa berurusan di fakulti dan di sepanjang kawasan kampus.
- Pelajar perlu menjaga adab dan sopan serta menunjukkan penampilan diri yang sesuai dengan imej UPSI dan imej seorang guru.
- Peraturan penggunaan kemudahan fakulti hendaklah dipatuhi apabila pelajar menggunakan kemudahan fakulti.

Pakaian Pelajar Lelaki

- Seti pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti iaitu kemas, berseluar panjang dengan berbaju kemeja lengan panjang, bertali leher, pakaian kebangsaan atau etnik yang sesuai. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang.
- Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas.
- Memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali.
- Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berrekreasi.
- Memakai kasut kulit hitam dan berstokin.

Pakaian Pelajar Perempuan

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti, berbaju kurung, kebaya labuh, kebarung atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Baju mestilah berlengan dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan.
- Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah).
- Memakai kain atau skirt labuh hendaklah di bawah paras lutut.
- Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan, pakaian jeans tidak dibenarkan.
- Memakai alat solek, aksesori dan pewangi secara sederhana.
- Memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.

ALAMAT PERHUBUNGAN DENGAN FAKULTI

Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan

No. Tel : 05-4505515/6523/6795/5088

E-mel : infofmsp@upsi.edu.my

Website: <http://fmsp.upsi.edu.my>

WAKTU BERURUSAN DENGAN FAKULTI

Isnin hingga Khamis	
Pagi :	8:00 pagi hingga 1:00 petang
Petang :	2:00 petang hingga 5:00 petang
Jumaat	
Pagi :	8:00 pagi hingga 12:15 tengahari
Petang :	2:45 petang hingga 5:00 petang